



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENG AUDITAN
PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

TERENGGANU
TAHUN 2019

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI
DAN AGENSI NEGERI SERTA PENGAUDITAN
PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

TERENGGANU
TAHUN 2019

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PENDAHULUAN	vii
RINGKASAN EKSEKUTIF	xi
BAHAGIAN I	
PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU	
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019	
Pendahuluan	1 - 3
Objektif dan Metodologi Pengauditan	1 - 4
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019	1 - 5
BAHAGIAN II	
ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI	
Latar Belakang	2 - 3
Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri	2 - 3
Penyata Prestasi Kewangan	2 - 3
Kumpulan Wang Disatukan	2 - 4
Wang Awam	2 - 6
Akaun Hasil Disatukan	2 - 9
Akaun Pinjaman Disatukan	2 - 20
Akaun Amanah Disatukan	2 - 20
Penyata Akaun Memorandum	2 - 39
Nota Kepada Penyata Kewangan	2 - 41
Rumusan Audit	2 - 43
Syor Audit	2 - 44
BAHAGIAN III	
PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI	
Pendahuluan	3 - 3
Pengauditan Penyata Kewangan	3 - 3
Kedudukan Penyerahan Penyata Kewangan	3 - 4
Pemakaian Piawaian Perakaunan	3 - 5
Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan	3 - 6
Pembentangan Penyata Kewangan	3 - 9
Analisis Prestasi Kewangan	3 - 10
Rumusan Audit	3 - 10
Syor Audit	3 - 11

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

Pendahuluan	4 - 3
Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu	4 - 7
1. Pembayaran Di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)	
Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	4 - 15
2. Perolehan Secara Sebut Harga Dan Rundingan Terus	
Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	4 - 21
3. Perolehan Secara Pembelian Terus	
Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	4 - 29
4. Perolehan Secara Sebut Harga	

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Aktiviti Jabatan/Agenzi Serta Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri	5 - 3
Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri	5 - 3

PENUTUP	6 - 3
----------------	-------

LAMPIRAN

Lampiran I	- Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu	7 - 3
Lampiran II	- Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri Dan Bendahari Negeri Terengganu	7 - 6
Lampiran III	- Penyata Kedudukan Kewangan	7 - 7
Lampiran IV	- Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai	7 - 8
Lampiran V	- Penyata Prestasi Kewangan	7 - 10
Lampiran VI	- Penyata Akaun Memorandum	7 - 11
Lampiran VII	- Nota Kepada Penyata Kewangan	7 - 12

AKRONIM	8 - 3
----------------	-------



PENDAHULUAN

PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan/Negeri/Agensi dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk dibentangkan di hadapan Dewan Rakyat. Bagi Laporan berkaitan dengan sesuatu negeri, ia hendaklah dikemukakan kepada Sultan/Raja/Yang Dipertua Negeri masing-masing untuk dibentang di hadapan Dewan Undangan Negeri. Bagi Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Negeri Terengganu, selepas dibentangkan di Dewan Rakyat, ia akan dikemukakan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Terengganu yang akan memperkenan Laporan itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri Terengganu.
2. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2019 Serta Pengauditan Pematuhan ini mengandungi perkara seperti berikut:
 - i. Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri;
 - ii. Analisis Kewangan Kerajaan Negeri;
 - iii. Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri;
 - iv. Pengauditan Pematuhan; dan
 - v. Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara dan Mesyuarat Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri.
3. Laporan ini disediakan hasil daripada pengauditan yang dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri dan beberapa jabatan/agensi negeri sepanjang tahun 2019. Bagi tujuan pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2019, pengauditan terhadap sistem perakaunan serta dokumen yang berkaitan dengan terimaan dan bayaran telah dijalankan di Jabatan Perbendaharaan Negeri.
4. Pengauditan dijalankan bertujuan untuk memberikan pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan dijalankan dengan berpandukan kepada Akta Audit 1957, piawaian pengauditan yang diluluskan dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions (ISSAI)*.

5. Laporan pada kali ini turut mengandungi perenggan yang berkaitan dengan pengauditan pematuhan. Pengauditan pematuhan terhadap jabatan/agensi negeri bertujuan untuk memastikan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa serta rekod kewangan berkaitan diselenggara dengan teratur dan kemas kini. Pengauditan ini dilaksana berdasarkan ISSAI 4000 dan 4100. Pengauditan pematuhan menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemberosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

6. Saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pegawai jabatan/agensi negeri Terengganu yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin menzahirkan ucapan terima kasih kepada pegawai saya yang telah bekerja keras serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(DATUK NIK AZMAN NIK ABDUL MAJID)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya

8 Oktober 2020



RINGKASAN EKSEKUTIF

RINGKASAN EKSEKUTIF

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957 menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan tahunan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu disediakan oleh Pegawai Kewangan Negeri mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai.
- Penyata ini melaporkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tahun 2019 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.
- Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu dilaksanakan selaras dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Audit 1957 yang menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit akaun Persekutuan dan negeri.
- Seksyen 5(1)(c) Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Agensi Negeri iaitu Badan Berkanun Negeri (BBN), Majlis Agama Islam (MAI) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).
- Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, juga membuat analisis terhadap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit merangkumi perkara mengenai trend dan kedudukan kewangan, wang tunai, pelaburan, hasil, perbelanjaan mengurus, amanah, pinjaman dan hutang Kerajaan negeri.

**Mengapa ia
penting
untuk
diaudit?**

- Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata tersebut menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.
- Analisis yang dijalankan bertujuan untuk menilai tahap prestasi kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara menyeluruh pada akhir tahun 2019, di samping membantu Kerajaan negeri memperkuuh prestasi kewangannya pada tahun akan datang.
- Pengauditan Penyata Kewangan Agensi Negeri dilaksanakan untuk mengesah dan memastikan penyata kewangan bebas daripada kesalahan dan ketinggaian yang material serta memberi pendapat sama ada penyata itu menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama berpandukan akta dan piawaian yang diluluskan.
- Pengauditan Penyata Kewangan telah dilaksanakan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) dan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri.

**Apa yang
ditemui
Audit?**

**BAHAGIAN I
Pengesahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri
Terengganu Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019**

- Secara keseluruhannya, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2019. Rekod perakaunannya juga telah diselenggara dengan teratur dan kemas kini.

**BAHAGIAN II
Analisis Kewangan Kerajaan Negeri**

- Analisis Audit mendapati kedudukan kewangan Kerajaan negeri adalah kukuh. Baki terkumpul Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM597.56 juta, iaitu meningkat sebanyak RM442.89 juta berbanding RM154.67 juta pada akhir tahun 2018.

- Akaun Hasil Disatukan menunjukkan lebihan semasa berjumlah RM259.97 juta. Kutipan hasil meningkat sebanyak RM768.44 juta atau 42.9% menjadi RM2.561 bilion berbanding RM1.793 bilion pada tahun 2018.
- Perbelanjaan mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan) Kerajaan negeri pada tahun 2019 berjumlah RM1.582 bilion, meningkat sebanyak RM334.56 juta atau 26.8% berbanding RM1.248 bilion pada tahun 2018.
- Baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan bagi tahun kewangan 2019 mencatatkan lebihan sejumlah RM257.36 juta berbanding defisit RM2.61 juta pada tahun 2018.
- Prestasi perbelanjaan dan pelaksanaan projek pembangunan Kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah baik iaitu sejumlah RM489.92 juta atau 81.7% telah dibelanjakan berbanding RM599.40 juta peruntukan yang diluluskan. Sebanyak 5,094 projek telah dirancang, yang mana 4,858 projek iaitu 95.4% telah disiapkan sepenuhnya, 150 projek (2.9%) sedang dilaksanakan dan 86 projek (1.7%) belum dimulakan.
- Baki Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM59.63 juta atau 24% daripada RM248.83 juta pada tahun 2018 kepada RM189.20 juta pada tahun 2019. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM21.17 juta atau 25.3% daripada RM83.52 juta pada tahun 2018 kepada RM62.35 juta pada tahun 2019.
- Jumlah Hutang Awam menurun sebanyak RM423.15 juta atau 57.7% menjadi RM309.98 juta berbanding RM733.13 juta pada tahun 2018. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam oleh Kerajaan negeri menurun sebanyak RM388.43 juta atau 92% menjadi RM33.69 juta berbanding RM422.12 juta pada tahun 2018.

BAHAGIAN III

Penyerahan, Pengesahan, Pembentangan Penyata Kewangan dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri

- Setakat 31 Ogos 2020, sebanyak enam (6) BBN dan tujuh (7) PBT serta satu (1) MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit. Manakala dua (2) agensi negeri lagi masih belum mengemukakan penyata

kewangan tahun 2019 untuk diaudit iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).

- Dari pada 14 agensi yang telah mengemukakan penyata kewangan, hanya dua (2) agensi mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan iaitu sebelum atau pada 30 April 2020. Manakala 12 agensi lain mengemukakan penyata kewangan selepas tempoh yang ditetapkan kesan daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengekang penularan pandemik COVID-19. Agensi telah memohon pelanjutan tempoh untuk mengemukakan penyata kewangan sehingga 31 Mei 2020 dan telah diluluskan oleh Pegawai Kewangan Negeri Terengganu.
- Bagi penyata kewangan tahun 2019, hanya satu (1) penyata kewangan agensi yang telah disahkan setakat 31 Ogos 2020 dan diberikan Pendapat Tanpa Teguran, iaitu Majlis Daerah Marang. Manakala 13 penyata kewangan agensi negeri yang lain masih dalam proses pengauditan.
- Sehubungan itu, analisis terhadap prestasi kewangan agensi negeri tidak dilaporkan dalam laporan kali ini memandangkan hanya satu (1) analisis bagi Majlis Daerah Marang sahaja dilaksanakan dan tidak dapat memberi gambaran sebenar berkaitan kedudukan kewangan agensi negeri secara keseluruhannya.

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN DAN AGENSI NEGERI

Perkara Utama

Apa yang diaudit?

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap jabatan/agensi negeri.
- Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.

- Pengauditan dilaksanakan terhadap dua (2) perkara melibatkan empat (4) jabatan/agensi seperti berikut:
 - pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) di Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT); dan
 - perolehan secara pembelian terus, sebut harga dan rundingan terus di tiga (3) jabatan/agensi negeri iaitu Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).

**Mengapa ia
penting
untuk
diaudit?**

- Pengauditan pematuhan jabatan dan agensi negeri dijalankan bagi menentukan sama ada:
 - pembayaran di bawah AP58(a) di PPNT dilaksanakan selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa; dan
 - perolehan dan perbelanjaan di JHEAT, MBKT dan LTAWNT telah dilaksanakan selaras dengan akta, peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa.

**Apa yang
ditemui
Audit?**

- **Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu**
 - Sebanyak 21 baucar bayaran AP58(a) melibatkan RM314,578 adalah perbelanjaan tanpa peruntukan kerana Pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas tarikh sebenar program.
 - Sebanyak 34 baucar bayaran AP58(a) tahun 2019 bagi bil/invois tahun 2017 berjumlah RM0.78 juta telah menggunakan Pesanan Kerajaan secara manual pada tahun 2017.
- **Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu**
 - Kontrak formal tidak ditandatangani bagi perolehan bekalan bermasa.
- **Majlis Bandaraya Kuala Terengganu**
 - Perolehan dibuat secara pecah kecil.
 - Perolehan insurans berjumlah RM487,738 tanpa Pesanan Kerajaan.

- Pesanan Kerajaan bagi perolehan berjumlah RM483,920 telah dikeluarkan selepas bekalan/perkhidmatan diterima.

- **Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu**

- Dokumen kontrak tidak disediakan bagi perolehan perkhidmatan dan kerja bernilai RM462,074.



BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU

Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019

BAHAGIAN I

PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

FAKTA UTAMA		
1 Januari 2019 – 31 Disember 2019	31 Julai 2020	4 Februari 2019
Tahun kewangan Kerajaan Negeri	Tarikh akhir penyerahan penyata kewangan untuk diaudit	Tarikh penyerahan penyata kewangan untuk diaudit
Komponen Penyata Kewangan	<ul style="list-style-type: none">• Penyata Kedudukan Kewangan• Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai• Penyata Prestasi Kewangan• Penyata Akaun Memorandum• Nota Kepada Penyata Kewangan	
Jenis Pendapat Audit	Pendapat Tanpa Teguran	

1. PENDAHULUAN

1.1. Seksyen 16(1), Akta Tatacara Kewangan 1957, menghendaki Pihak Berkuasa Kewangan Negeri menyediakan penyata kewangan secepat mungkin selepas penutupan akaun bagi tahun berkenaan. Penyata tersebut hendaklah dikemukakan kepada Ketua Audit Negara dalam tempoh tujuh (7) bulan selepas berakhirnya tahun kewangan berkenaan untuk diaudit seperti diperuntukkan di bawah Seksyen 9, Akta Audit 1957.

1.2. Selaras dengan peruntukan undang-undang tersebut, YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri telah mengemukakan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 kepada Ketua Audit Negara pada **4 Februari 2020**. Penyata ini melaporkan semua urus niaga kewangan asas tunai bagi tahun 2019 yang berkaitan dengan sumber dan penggunaan wang awam. Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan.

1.3. Penyata Kedudukan Kewangan menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi maksud Akaun Kumpulan Wang Disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan. Selaras dengan asas perakaunan tunai ubah suai yang digunakan oleh Kerajaan negeri, hanya pelaburan yang dipegang bagi maksud amanah tertentu dilaporkan dalam Penyata

Kedudukan Kewangan. Manakala pelaburan lain dilaporkan dalam Penyata Akaun Memorandum.

1.4. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai menunjukkan aliran masuk dan aliran keluar tunai dan kesetaraan tunai pada tahun 2019. Penerimaan adalah terdiri daripada hasil, pinjaman, penerimaan modal dan penerimaan lain seperti terimaan amanah. Pembayaran pula adalah untuk membiayai perbelanjaan mengurus, pembangunan, bayaran balik pinjaman dan bayaran lain seperti bayaran amanah.

1.5. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana dalam Pinjaman, Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah.

1.6. Penyata Akaun Memorandum adalah akaun yang menunjukkan kedudukan aset dan tanggungan Kerajaan negeri. Aset Kerajaan negeri merangkumi Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan manakala tanggungan Kerajaan negeri pula adalah Hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan. Hutang Kerajaan negeri adalah bagi maksud Rancangan Bekalan Air dan Perumahan Awam Kos Rendah.

1.7. Nota Kepada Penyata Kewangan pula memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam penyata kewangan dan juga maklumat tambahan seperti peristiwa yang berlaku selepas tarikh penyata kedudukan kewangan dan angka perbandingan.

2. OBJEKTIF DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

2.1. Pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 adalah untuk memberi pendapat sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2.2. Pengauditan terhadap sistem perakaunan dan dokumen dijalankan secara berterusan sepanjang tahun 2019. Teguran Audit mengenainya telah dibangkitkan kepada Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu dan jabatan negeri melalui surat Pemerhatian Audit sebaik sahaja pengauditan selesai dijalankan.

2.3. Selain itu, Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) yang dipengerusikan oleh YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri dan dihadiri oleh ketua jabatan dan agensi Kerajaan negeri telah diadakan pada **7 Julai 2020**.

3. PENGESAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI TERENGGANU BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3.1. Pengauditan penyata kewangan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berasaskan piawaian pengauditan yang diluluskan serta *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). Akta dan piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan bagi mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan dan ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan penzahiran yang mencukupi dalam penyampaian penyata kewangan.

3.2. Persembahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada tahun 2019 adalah selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan. **Pada pendapat Audit, Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya menunjukkan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.** Sijil Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disertakan bersama dengan Pernyataan Pegawai Kewangan Negeri dan Bendahari Negeri, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum dan Nota Kepada Penyata Kewangan adalah seperti di **Lampiran I** hingga **Lampiran VII**.



BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

BAHAGIAN II

ANALISIS KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN	KUMPULAN WANG DISATUKAN	AKAUN MEMORANDUM
↑ HASIL 2019 - RM2.561 Bilion 2018 - RM1.793 Bilion	↑ AKAUN HASIL DISATUKAN 2019 - RM257.36 Juta 2018 - (RM2.61 Juta)	↓ PINJAMAN BOLEH DITUNTUT 2019 - RM189.20 Juta 2018 - RM248.83 Juta
↑ BELANJA 2019 - RM2.072 Bilion 2018 - RM1.760 Bilion	AKAUN PINJAMAN DISATUKAN 2019 - RMO 2018 - RMO	↑ PELABURAN 2019 - RM3.45 Juta 2018 - RM3.28 Juta
	↑ AKAUN AMANAH DISATUKAN 2019 - RM340.20 Juta 2018 - RM157.28 Juta	↓ HUTANG AWAM 2019 - RM309.98 Juta 2018 - RM733.13 Juta

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Audit Negara di samping mengesahkan Penyata Kewangan Kerajaan negeri Terengganu Tahun 2019, juga membuat analisis mengikut prinsip asas perakaunan tunai ubah suai terhadap data kewangan bagi menentukan tahap kedudukan kewangan Kerajaan negeri. Analisis Audit dijalankan terhadap Penyata Kedudukan Kewangan; Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai; Penyata Prestasi Kewangan; Penyata Akaun Memorandum; Nota Kepada Penyata Kewangan serta maklumat kewangan yang berkaitan.

2. KEDUDUKAN KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan negeri menunjukkan pegangan Wang Awam di bawah Kumpulan Wang Disatukan. Wang Awam terdiri daripada Wang Tunai dan Pelaburan yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan melalui Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.

3. PENYATA PRESTASI KEWANGAN

3.1. Penyata Prestasi Kewangan menunjukkan lebihan atau kurangan hasil keseluruhan berbanding jumlah perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta sumber pembiayaannya. Penyata ini juga menunjukkan pergerakan dana bagi Pinjaman

dalam Negeri, Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan serta Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah.

3.2. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri mencatatkan lebihan keseluruhan berjumlah RM488.73 juta iaitu meningkat sebanyak RM455.96 juta atau 1,391.4% berbanding RM32.77 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan hasil sebanyak RM768.44 juta atau 42.9% pada tahun 2019. Selain itu, perbelanjaan mengalami peningkatan sebanyak RM312.48 juta atau 17.8%. Kedudukan Penyata Prestasi Kewangan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYATA PRESTASI
KEWANGAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
HASIL	2,560.96	1,792.52	768.44	42.9
Hasil Cukai	73.83	77.99	(4.16)	(5.3)
Hasil Bukan Cukai	173.67	205.29	(31.62)	(15.4)
Terimaan Bukan Hasil	2,313.46	1,509.24	804.22	53.3
(-) PERBELANJAAN	2,072.23	1,759.75	312.48	17.8
• Belanja Mengurus (sebelum pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	1,582.31	1,247.75	334.56	26.8
• Belanja Pembangunan	489.92	512.00	(22.08)	(4.3)
LEBIHAN KESELURUHAN	488.73	32.77	455.96	1,391.4
Pinjaman	0.00	0.00	0.00	0.0
Terimaan Balik Pinjaman Dan Pelbagai Terimaan	16.92	6.74	10.18	151.0
Perubahan Tunai, Pelaburan Dan Amanah	(505.65)	(39.51)	(466.14)	(1,179.8)
JUMLAH PEMBIAYAAN	(488.73)	(32.77)	(455.96)	(1,391.4)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

3.3. Secara keseluruhannya, prestasi kewangan Kerajaan negeri bagi tahun 2019 adalah kukuh kerana memperoleh lebihan berjumlah RM488.73 juta, iaitu meningkat sebanyak RM455.96 juta (1,391.4%) berbanding RM32.77 juta pada tahun 2018.

4. KUMPULAN WANG DISATUKAN

4.1. Kumpulan Wang Disatukan terdiri daripada tiga (3) akaun iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan. Mengikut Penyata Kedudukan Kewangan pada akhir tahun 2019, Kumpulan Wang Disatukan adalah berjumlah RM597.56 juta terdiri daripada aset berbentuk wang tunai berjumlah RM187.56 juta dan pelaburan berjumlah RM410 juta. Kumpulan Wang Disatukan menunjukkan peningkatan sebanyak RM442.89 juta atau 286.3% berbanding

RM154.67 juta pada tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 2**.


JADUAL 2
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Hasil Disatukan	257.36	(2.61)	259.97	9,960.5
Akaun Pinjaman Disatukan	0.00	0.00	0.00	0.0
Akaun Amanah Disatukan:	340.20	157.28	182.92	116.3
<i>i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan:</i>	(14.15)	(215.47)	201.32	93.4
• Kumpulan Wang Pembangunan	(431.57)	(677.25)	245.68	36.3
• Kumpulan Wang Bekalan Air	69.22	70.09	(0.87)	(1.2)
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	348.20	391.69	(43.49)	(11.1)
<i>ii. Kumpulan Wang Amanah Awam</i>	<i>143.25</i>	<i>128.70</i>	<i>14.55</i>	<i>11.3</i>
<i>iii. Akaun Wang Deposit</i>	<i>211.10</i>	<i>244.05</i>	<i>(32.95)</i>	<i>(13.5)</i>
JUMLAH	597.56	154.67	442.89	286.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

4.2. Peningkatan Kumpulan Wang Disatukan adalah disebabkan oleh peningkatan ketara Akaun Hasil Disatukan sebanyak RM259.97 juta atau 9,960.5% dan Akaun Amanah Disatukan sebanyak RM182.92 juta atau 116.3%. Kedudukan baki bagi tahun 2019 adalah yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun seperti ditunjukkan **Carta 1**.

CARTA 1
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
DISATUKAN PADA AKHIR TAHUN 2015 HINGGA 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

5. WANG AWAM

5.1. Wang Tunai dan Pelaburan

5.1.1. Wang Tunai merupakan sebahagian daripada komponen yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai aset Kerajaan negeri yang dipegang bagi Kumpulan Wang Disatukan. Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan. Wang Tunai Dalam Bank adalah terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit yang kurang dari tiga (3) bulan di institusi kewangan yang diluluskan. Wang Tunai Dalam Perjalanan pula adalah wang tunai yang belum dibankkan serta wang tunai yang belum diambil kira dalam buku tunai. Wang Tunai Dalam Tangan adalah Panjar Wang Runcit yang diluluskan kepada pemegang panjar. Kedudukan baki Wang Tunai pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
KEDUDUKAN WANG TUNAI PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019	2018	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
WANG TUNAI					
1.	Wang Tunai Dalam Bank	187.22	94.38	92.84	98.4
2.	Wang Tunai Dalam Perjalanan	0.24	0.00	0.24	100.0
3.	Wang Tunai Dalam Tangan	0.10	0.10	0.00	0.0
JUMLAH		187.56	94.48	93.08	98.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

5.1.2. Analisis perbandingan kedudukan Wang Tunai bagi tahun 2019 dan 2018 menunjukkan peningkatan sebanyak RM93.08 juta atau 98.5% menjadi RM187.56 juta berbanding RM94.48 juta pada tahun 2018. Pada tahun 2019, Wang Tunai Dalam Bank meningkat sebanyak RM92.84 juta atau 98.4% menjadi RM187.22 juta berbanding RM94.38 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini adalah disebabkan Kerajaan negeri telah menerima Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan pada bulan Disember 2019 berjumlah RM225 juta. Daripada RM225 juta tersebut, sejumlah RM30 juta telah dilaburkan selama sebulan di Agro Bank Berhad dan sejumlah RM120 juta telah dilaburkan di bawah Pelaburan Am pada 31 Disember 2019.

5.1.3. Pelaburan Kerajaan negeri dilaporkan sebagai salah satu (1) item di bawah Wang Awam di Penyata Kedudukan Kewangan selain Wang Tunai. Mengikut Seksyen 8(3)(b), Akta Tatacara Kewangan 1957, Kerajaan negeri dibenarkan melabur dalam deposit di institusi kewangan yang diluluskan dan pelaburan lain yang dibenarkan sekiranya mempunyai lebihan wang. Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Kumpulan Wang Amanah dan Pelaburan Am. Pelaburan Kumpulan Wang Amanah adalah

pelaburan daripada dana kumpulan wang amanah/akaun amanah selaras dengan Arahan Amanah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 serta peraturan yang berkuat kuasa. Pelaburan Am pula adalah semua pelaburan daripada lebihan Kumpulan Wang Disatukan.

5.1.4. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri mempunyai pelaburan dalam bentuk simpanan tetap berjumlah RM410 juta yang terdiri daripada Pelaburan Am seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4
KEDUDUKAN PELABURAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BIL.	NAMA INSTITUSI KEWANGAN	2019	2018	PERUBAHAN	
		(RM Juta)	(RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Bank Islam Malaysia Berhad	150.00	0.00	150.00	100.0
2.	Bank Kerjasama Rakyat (M) Berhad	140.00	50.20	89.80	178.9
3.	Agro Bank Berhad	50.00	0.00	50.00	100.0
4.	Bank Simpanan Nasional	20.00	0.00	20.00	100.0
5.	RHB Bank Berhad	20.00	0.00	20.00	100.0
6.	Bank Muamalat (M) Berhad	20.00	0.00	20.00	100.0
7.	Malaysia Building Society Berhad	10.00	0.00	10.00	100.0
8.	Amanah Raya Berhad	0.00	10.00	(10.00)	(100.0)
JUMLAH		410.00	60.20	349.80	581.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

5.1.5. Pelaburan tahun 2019 meningkat dengan ketara sebanyak RM349.80 juta atau 581.1% disebabkan Kerajaan negeri telah menerima Dana Khas Kerajaan Persekutuan dan tunggakan yang berjumlah RM736.84 juta pada bulan September 2019. Dividen yang diperoleh dalam tahun 2019 meningkat sebanyak RM1.77 juta atau 24% menjadi RM9.15 juta berbanding RM7.38 juta pada tahun 2018 sejajar dengan peningkatan jumlah pelaburan.

5.1.6. Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT) telah membuka Akaun Semasa di lima (5) bank iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB), Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), Agro Bank Berhad, Malayan Banking Berhad (Maybank2u.com) dan Malayan Banking Berhad (Tabung Darul Iman). Semakan Audit terhadap penyata penyesuaian bank terdapat urusniaga yang belum selesai adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
URUSNIAGA BELUM SELESAI PADA 31 DISEMBER 2019

BIL.	NAMA BANK	URUSNIAGA BELUM SELESAI	
		DEBIT (RM Juta)	KREDIT (RM Juta)
1.	Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)	2.53	3.07
2.	Agro Bank Berhad	-	0.09
3.	Malayan Banking Berhad (Maybank2u.com)	-	0.00*
4.	Malayan Banking Berhad (Tabung Darul Iman)	-	0.06
	JUMLAH	2.53	3.22

Sumber: Penyata Penyesuaian Bank Disember 2019

Nota: (*) - RM1,258

5.1.7. Jumlah debit dan kredit mengikut Senarai Urus Niaga Bank Tiada Dalam Buku Tunai pada bulan Disember 2019 bagi BIMB masing-masing berjumlah RM2.53 juta dan RM3.07 juta manakala bagi Agro Bank Berhad pula, urus niaga kredit berjumlah RM0.09 juta. Kesemua urusniaga debit dan kredit tersebut merupakan urus niaga sejak tahun 2008. Selain itu, urus niaga kredit bagi Malayan Banking Berhad (Maybank2u.com) dan Malayan Banking Berhad (Tabung Darul Iman) masing-masing berjumlah RM1,258 dan RM63,249 merupakan urusniaga sejak tahun 2018.

Maklum Balas PPNT yang Diterima pada 7 Jun 2020

BIMB - PPNT telah selesai mengambil tindakan penyelesaian sejumlah RM2.40 juta dan dalam proses mengambil tindakan pelarasan untuk menyelesaikan baki sejumlah RM0.13 juta. PPNT telah mengadakan perbincangan dengan BIMB pada 9 Mac 2020 untuk menyelesaikan perkara ini melalui surat PERB.TR.A/30/33/0/00 (13) bertarikh 3 Mac 2020.

PPNT telah selesai mengambil tindakan penyelesaian bagi urus niaga tertunggak daripada tahun 2008 hingga 2017 iaitu sejumlah RM1.09 juta manakala selebihnya adalah urusniaga tertunggak berbaki kredit daripada tahun 2018 hingga 2019 di mana PPNT dalam proses mengambil tindakan pelarasan untuk menyelesaikan senarai tersebut.

Agro Bank Berhad - PPNT telah selesai mengambil tindakan penyelesaian bagi urus niaga berjumlah RM63,768 manakala selebihnya berjumlah RM26,880 adalah merupakan satu transaksi IBG Credit. PPNT telah mengambil tindakan dengan memaklumkan kepada Pejabat Tanah Daerah Hulu Terengganu untuk tindakan menyediakan Penyata Pemungut.

Malayan Banking Berhad - Urus niaga kredit bagi Malayan Banking Berhad (Maybank2u.com) dan Malayan Banking Berhad (Tabung Darul Iman) masing-masing berjumlah RM1,258 dan RM63,249 telah selesai sepenuhnya.

6. AKAUN HASIL DISATUKAN

6.1. Akaun Hasil Disatukan merupakan penyata yang menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri bagi satu (1) tahun kewangan. Akaun ini ditubuhkan mengikut Perkara 97 dan Perkara 98, Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a), Akta Tatacara Kewangan 1957.

6.2. Kerajaan negeri mengakhiri tahun kewangan 2019 dengan lebihan semasa berjumlah RM259.97 juta berbanding defisit berjumlah RM80.24 juta pada tahun 2018, iaitu meningkat sebanyak RM340.21 juta atau 424%. Peningkatan ini disebabkan hasil Kerajaan negeri berjumlah RM2.561 bilion melebihi perbelanjaan mengurus yang berjumlah RM2.301 bilion. Dengan lebihan semasa sebanyak RM259.97 juta dalam Akaun Hasil Disatukan yang dicatatkan pada akhir tahun 2019, baki terkumpul Akaun Hasil Disatukan menjadi RM257.36 juta berbanding defisit RM2.61 juta pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
KEDUDUKAN AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(2.61)	77.63	(80.24)	(103.4)
Hasil	2,560.96	1,792.52	768.44	42.9
Perbelanjaan Mengurus	2,300.99	1,872.76	428.23	22.9
Lebihan/Defisit Bagi Tahun	259.97	(80.24)	340.21	424.0
BAKI PADA 31 DISEMBER	257.36	(2.61)	259.97	9,960.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.3. Trend Akaun Hasil Disatukan pada tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 7** dan **Carta 2**.

JADUAL 7
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019

BUTIRAN	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	303.53	166.85	(95.48)	77.63	(2.61)
Hasil	2,214.83	1,604.77	2,072.86	1,792.52	2,560.96
Perbelanjaan Mengurus	2,351.51	1,867.10	1,899.75	1,872.76	2,300.99
Lebihan/Defisit	(136.68)	(262.33)	173.11	(80.24)	259.97
BAKI PADA 31 DISEMBER	166.85	(95.48)	77.63	(2.61)	257.36

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

CARTA 2
AKAUN HASIL DISATUKAN PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

6.4. Analisis Audit terhadap pencapaian penerimaan hasil berbanding perbelanjaan mengurus bagi tempoh tahun 2015 hingga 2019 mendapat tahun 2016 mencatatkan defisit semasa Akaun Hasil Disatukan yang paling tinggi dalam tempoh lima (5) tahun iaitu sejumlah RM262.33 juta. Pada tahun 2017, Akaun Hasil Disatukan mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM173.11 juta tetapi kembali menurun pada tahun 2018 dengan mencatatkan defisit sebanyak RM80.24 juta. Tahun 2019 telah mencatatkan lebihan sejumlah RM259.97 juta, iaitu yang tertinggi dalam tempoh lima (5) tahun.

6.5. Hasil

Hasil Kerajaan negeri dikategorikan kepada tiga (3) jenis iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Pada keseluruhannya, kutipan hasil sebenar Kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah lebih tinggi berbanding anggaran yang diluluskan. Kutipan hasil sebenar bagi tahun 2019 juga telah meningkat berbanding hasil sebenar pada tahun 2018.

6.5.1. Kutipan Hasil Sebenar Berbanding Anggaran yang Diluluskan

Pada tahun 2019, kutipan hasil sebenar Kerajaan negeri adalah berjumlah RM2.561 bilion iaitu RM545.96 juta atau 27.1% lebih tinggi berbanding anggaran yang

berjumlah RM2.015 bilion. Kutipan hasil sebenar pada tahun 2019 berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
KUTIPAN HASIL SEBENAR PADA
TAHUN 2019 BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BUTIRAN HASIL	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	HASIL SEBENAR (RM Juta)	VARIAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	66.93	73.83	6.90	10.3
Hasil Bukan Cukai	203.53	173.67	(29.86)	(14.7)
Terimaan Bukan Hasil	1,744.54	2,313.46	568.92	32.6
JUMLAH	2,015.00	2,560.96	545.96	27.1

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.5.2. Kutipan Hasil Pada Tahun 2019 Berbanding 2018


- a. Pada tahun 2019, hasil sebenar Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM768.44 juta atau 42.9% menjadi RM2.561 bilion berbanding RM1.793 bilion pada tahun 2018. Kutipan hasil pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 9** dan **Carta 3**.

JADUAL 9
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN HASIL	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Hasil Cukai	73.83	77.99	(4.16)	(5.3)
Hasil Bukan Cukai	173.67	205.29	(31.62)	(15.4)
Terimaan Bukan Hasil	2,313.46	1,509.24	804.22	53.3
JUMLAH	2,560.96	1,792.52	768.44	42.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

CARTA 3
KUTIPAN HASIL PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018



Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

b. Analisis Audit menunjukkan peningkatan hasil pada tahun 2019 sebanyak RM804.22 juta atau 53.3% disumbangkan oleh Terimaan Bukan Hasil berjumlah RM2.313 bilion berbanding RM1.509 bilion pada tahun 2018. Terimaan Bukan Hasil mewakili 90.3% daripada jumlah keseluruhan hasil negeri walaupun Hasil Cukai dan Hasil Bukan Cukai mengalami penurunan. Terimaan Bukan Hasil yang menyumbang kepada peningkatan hasil pada tahun 2019 adalah Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas) dan Terimaan Daripada Agensi Kerajaan yang Lain masing-masing meningkat sejumlah RM548.88 juta dan RM220.77 juta berbanding tahun 2018.

6.5.3. Peningkatan dan Penurunan Hasil yang Ketara

Peningkatan dan penurunan hasil yang ketara pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 10**.

JADUAL 10
PENINGKATAN DAN PENURUNAN HASIL
YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN HASIL	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
PENINGKATAN						
1.	Terimaan Daripada Agensi Kerajaan Yang Lain	225.00	4.23	220.77	5,219.1	Kerajaan negeri telah menerima Pemberian Khas Kerajaan Persekutuan sejumlah RM225 juta pada Disember 2019.
2.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	1,702.84	1,153.96	548.88	47.6	25% hasil bayaran petroleum di <i>set off</i> dengan hutang awam.
3.	Lebihan Dari Penutupan Kumpulan Wang Amanah	22.24	0.00	22.24	100.0	Dijadikan hasil kerana penutupan Akaun Peruntukan Tabung Pusingan Pinjaman ASN.
PENURUNGAN						
4.	Premium Tanah Biasa/Borang 5a	82.78	104.87	(22.09)	(21.1)	Pengurangan permohonan dan kelulusan tanah pada tahun 2019 berbanding 2018.
5.	Premium Perhutanan	19.02	40.27	(21.25)	(52.8)	Premium perhutanan dibayar pada tahun 2018 kerana kawasan pembalakan telah siap proses ukur sempadan pada tahun tersebut.

BIL.	BUTIRAN HASIL	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
6.	Royalti Air	18.16	31.35	(13.19)	(42.1)	Perjanjian Royalti Air Skim Hidro Elektrik Hulu Terengganu (SHHT) telah dimuktamadkan dan Kerajaan negeri telah menerima bayaran royalti tersebut daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada tahun 2018.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.5.4. Penyumbang Utama Hasil Kerajaan Negeri

Penyumbang utama hasil Kerajaan negeri terdiri daripada Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas); Terimaan Agensi Kerajaan Yang Lain; Tuggakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan; Premium Tanah Biasa – Borang 5a; dan Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan di Bawah Senarai Bersama. Kelima-lima hasil ini menyumbang sejumlah RM2.280 bilion atau 89% daripada keseluruhan hasil pada tahun 2019 berbanding kutipan RM1.533 bilion atau 85.5% pada tahun 2018. Terimaan Dana Khas yang berjumlah RM1.703 bilion pula telah menyumbang 66.5% daripada keseluruhan hasil Kerajaan negeri pada tahun 2019. Terimaan tersebut merupakan Bayaran Hasil Petroleum setelah ditolak 25% untuk bayaran balik Hutang Awam sejumlah RM425.71 juta. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 11**.

JADUAL 11
PENYUMBANG UTAMA HASIL KERAJAAN
NEGERI PADA TAHUN 2019 DAN 2018

BIL.	BUTIRAN HASIL	2019		2018	
		JUMLAH HASIL (RM Juta)	PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%)	JUMLAH HASIL (RM Juta)	PERATUS BERBANDING JUMLAH HASIL KESELURUHAN (%)
1.	Terimaan Daripada Kerajaan Persekutuan (Dana Khas)	1,702.84	66.5	1,153.96	64.3
2.	Terimaan Agensi Kerajaan yang Lain	225.00	8.8	4.23	0.2
3.	Tuggakan Dana Khas Kerajaan Persekutuan	220.00	8.6	220.00	12.3
4.	Premium Tanah Biasa – Borang 5a	82.78	3.2	104.87	5.9
5.	Pemberian 50% Perbelanjaan Mengurus Jabatan di Bawah Senarai Bersama	49.83	1.9	50.36	2.8
JUMLAH		2,280.45	89.0	1,533.42	85.5

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

6.5.5. Perbelanjaan Mengurus

- a. Perbelanjaan mengurus terbahagi kepada dua (2) jenis iaitu Perbelanjaan Tanggungan dan Perbelanjaan Perbekalan. Mengikut Perkara 98 Perlembagaan Persekutuan, Perbelanjaan Tanggungan adalah perbelanjaan yang dipertanggungkan terus kepada Kumpulan Wang Disatukan termasuk bayaran pencen, ganjaran, pampasan dan bayaran balik hutang awam. Perbelanjaan Perbekalan pula adalah untuk membiayai aktiviti dan kegiatan harian meliputi Emolumen, Perkhidmatan Dan Bekalan, Aset, Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perbelanjaan Lain. Maksud Perbekalan juga termasuk wang yang diperuntukkan kepada Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan melalui pemberian atau pinjaman yang dianggap sebagai perbelanjaan.
- b. Pada tahun 2019, anggaran perbelanjaan mengurus yang diluluskan meningkat sebanyak RM19 juta atau 1% menjadi RM2.015 bilion berbanding RM1.996 bilion pada tahun 2018. Peningkatan ketara anggaran belanja mengurus ialah di bawah kategori Perkhidmatan Dan Bekalan sebanyak RM14.22 juta atau 6.8%. Ini diikuti dengan peningkatan anggaran di bawah Pemberian Dan Kenaan Tetap di mana PPNT mengagihkan caruman kepada agensi negeri bagi melaksanakan aktiviti agensi masing-masing. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 12**.

JADUAL 12
ANGGARAN PERBELANJAAN MENGURUS
YANG DILULUSKAN PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN PERBELANJAAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Emolumen	292.95	296.59	(3.64)	(1.2)
Perkhidmatan Dan Bekalan	222.21	207.99	14.22	6.8
Aset	15.43	13.18	2.25	17.1
Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,483.17	1,478.09	5.08	0.3
Perbelanjaan Lain	1.24	0.15	1.09	726.7
JUMLAH	2,015.00	1,996.00	19.00	1.0

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- c. Analisis Audit mendapati perkara seperti berikut:

- sebanyak 61 maksud perbelanjaan bagi Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain melibatkan 24 jabatan/pejabat berjumlah RM8.33 juta atau 33.2% daripada RM25.06 juta peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan tidak dibelanjakan langsung;

- ii. sebanyak 17 daripada 61 maksud perbelanjaan melibatkan 10 jabatan/pejabat dengan peruntukan perbelanjaan mengurus berjumlah RM1.01 juta telah dibuat viremen keluar keseluruhannya;
- iii. sebanyak 92 pindah peruntukan berjumlah RM5.91 juta tidak perlu dibuat oleh 26 jabatan/pejabat kerana peruntukan asal mencukupi untuk menampung perbelanjaan; dan
- iv. sebanyak 32 jabatan/pejabat berbelanja kurang 50% daripada jumlah peruntukan perbelanjaan mengurus yang diluluskan.

Maklum Balas PPNT yang Diterima pada 15 Jun 2020

Secara umumnya, peruntukan tidak dibelanjakan langsung dan perbelanjaan kurang daripada 50.0% dibuat bagi kawalan perbelanjaan dan langkah penjimatan melalui Pekeliling Perpendaharaan Bil. 1 Tahun 2019.

- d. Perbelanjaan mengurus Kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah berjumlah RM2.301 bilion iaitu 114.2% berbanding anggaran yang diluluskan berjumlah RM2.015 bilion. Perbelanjaan sebenar berbanding anggaran yang diluluskan adalah seperti dalam **Jadual 13**.

JADUAL 13
PERBELANJAAN SEBENAR PADA
TAHUN 2019 BERBANDING ANGGARAN YANG DILULUSKAN

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	ANGGARAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN SEBENAR (RM Juta)	PERATUS (%)
1.	Emolumen	292.95	262.86	89.7
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	222.21	184.58	83.1
3.	Aset	15.43	11.01	71.4
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,483.17	1,841.29	124.1
5.	Perbelanjaan Lain	1.24	1.24	100.0
JUMLAH		2,015.00	2,300.98	114.2

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

- e. Secara keseluruhannya, perbelanjaan mengurus pada tahun 2019 meningkat sebanyak RM428.22 juta iaitu 22.9% kepada RM2.301 bilion berbanding RM1.873 bilion pada tahun 2018 adalah seperti dalam **Jadual 14**.

JADUAL 14
PERBELANJAAN MENGURUS PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Emolumen	262.86	272.48	(9.62)	(3.5)
2.	Perkhidmatan Dan Bekalan	184.58	180.09	4.49	2.5
3.	Aset	11.01	7.50	3.51	46.8
4.	Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap	1,841.29	1,412.54	428.75	30.4
5.	Perbelanjaan Lain	1.24	0.15	1.09	726.7
JUMLAH		2,300.98	1,872.76	428.22	22.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- f. Analisis Audit mendapati peningkatan perbelanjaan mengurus sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh perbelanjaan di bawah kategori Pemberian Dan Kenaan Bayaran Tetap serta Perkhidmatan Dan Bekalan. Bagi kategori Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap, peningkatan perbelanjaan di bawah Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Hutang Negara Yang Lain meningkat dengan ketara sebanyak RM415.18 juta menjadi RM425.71 juta berbanding RM10.53 juta yang dibelanjakan pada tahun 2018. Manakala perbelanjaan di bawah kategori Perkhidmatan Dan Bekalan meningkat disebabkan peningkatan perbelanjaan yang ketara di bawah Perkhidmatan Iktisas dan Perkhidmatan Lain Yang Dibeli dan Hospitaliti sejumlah RM6.98 juta.
- g. Perbelanjaan untuk bayaran ganjaran mencatatkan penurunan yang ketara pada tahun 2019 iaitu dari RM8.20 juta menurun kepada RM0.78 juta. Penurunan perbelanjaan pada tahun 2019 adalah disebabkan bayaran ganjaran kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) pada tahun 2018 ekoran daripada pembubaran Dewan Undangan Negeri untuk tujuan Pilihanraya Umum yang Ke - 14.
- h. Justifikasi peningkatan dan penurunan perbelanjaan yang ketara pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 15**.

JADUAL 15
JUSTIFIKASI PENINGKATAN DAN PENURUNAN
PERBELANJAAN YANG KETARA PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN		JUSTIFIKASI PENINGKATAN/ PENURUNAN
				(RM Juta)	(%)	
PENINGKATAN						
1.	Tuntutan Insurans Dan Pampasan	37.77	5.34	32.43	607.3	PPNT membuat bayaran bagi kes mahkamah yang lain termasuk bayaran bagi kes luar jangka.
2.	Faedah, Dividen Dan Kenaan Bayaran	425.71	10.53	415.18	3,942.8	Bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan sebanyak RM425.71 juta melalui pemotongan terus 25% bayaran tunai petroleum (royalty).
PENURUNAN						
3.	Ganjaran	0.78	8.20	(7.42)	(90.5)	Perbelanjaan yang tinggi pada tahun 2018 adalah bayaran ganjaran kepada Ahli-Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) kerana pembubaran DUN sempena pilihan raya yang ke-14.
4.	Perhubungan Dan Utiliti	37.32	40.34	(3.02)	(7.5)	Tuntutan yang rendah daripada Pihak Berkuasa Tempatan untuk penggunaan bil elektrik.

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

i. Pembayaran di Bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)

- Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) memperuntukkan bahawa bayaran terhadap bekalan/perkhidmatan yang telah diterima pada tahun sebelumnya boleh dibuat pada tahun semasa dengan syarat jabatan mempunyai baki peruntukan dalam tahun perbelanjaan itu kena dibayar.
- Semakan Audit terhadap bayaran di bawah AP58(a) mendapati bekalan/perkhidmatan yang diperoleh sebelum tahun 2019 berjumlah RM7.51 juta dibayar pada tahun 2019, iaitu meningkat dengan ketara sebanyak RM2.98 juta atau 65.8% berbanding RM4.53 juta pada tahun 2018.
- Peningkatan ketara bayaran di bawah AP58(a) tahun 2019 adalah disebabkan kelewatan penerimaan bil daripada pembekal selepas penutupan akaun. Senarai jabatan/pejabat yang membuat pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 16**.

JADUAL 16
SENARAI JABATAN/PEJABAT YANG MEMBUAT
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a) PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	2019		2018		PERUBAHAN	
		BAUCAR BAYARAN (Bil.)	JUMLAH (RM Juta)	BAUCAR BAYARAN (Bil.)	JUMLAH (RM Juta)	(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	463	6.91	188	4.22	2.69	63.7
2.	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	119	0.16	49	0.06	0.10	166.7
3.	Jabatan Kerja Raya	85	0.09	47	0.02	0.07	350.0
4.	Dewan Undangan Negeri	45	0.08	11	0.00*	0.08	100.0
5.	Jabatan/Pejabat Lain**	419	0.27	236	0.23	0.04	17.4
JUMLAH		1,131	7.51	531	4.53	2.98	65.8

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

Nota: (*) - RM4,391.41

(**) - 24 Jabatan/Pejabat bagi tahun 2018

27 Jabatan/Pejabat bagi tahun 2019

iv. Pembayaran di bawah AP58(a) yang tertinggi adalah Pejabat Menteri Besar dan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu iaitu sejumlah RM6.91 juta atau 92% daripada keseluruhan jumlah bayaran AP58(a) pada tahun 2019. Jenis perbelanjaan yang tertinggi adalah sewaan/kontrak berjumlah RM6.17 juta. Ini diikuti dengan perbelanjaan bagi elaun/tuntutan berjumlah RM0.64 juta melibatkan 43 PTJ. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 17**.

JADUAL 17
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)
MENGIKUT JENIS PERBELANJAAN PADA TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN PERBELANJAAN	BILANGAN PTJ	JUMLAH (RM Juta)
1.	Sewaan/kontrak	16	6.17
2.	Elaun/tuntutan	43	0.64
3.	Petrol/bil utiliti	46	0.31
4.	Rawatan Perubatan	2	0.17
5.	Selenggara	3	0.12
6.	Lain-lain	15	0.10
JUMLAH			7.51

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

v. Semakan lanjut mendapati pembayaran di bawah AP58(a) melibatkan enam (6) bil bulan Mei, satu (1) bil bulan Ogos, tiga (3) bil bulan September, 12 bil bulan November dan 1,109 bil bulan Disember tahun 2018 seperti dalam **Jadual 18**.

JADUAL 18
PEMBAYARAN DI BAWAH AP58(a)
MENGIKUT PECAHAN BULAN BIL DITERIMA

BIL.	TAHUN 2018 (Bulan)	BAUCAR (Bil.)	JUMLAH (RM)
1.	Mei	6	18,200
2.	Ogos	1	1,043
3.	September	3	4,535
4.	November	12	10,258
5.	Disember	1,109	7,484,644
JUMLAH		1,131	7,518,680

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

- vi. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Jun 2020, sebanyak 2,772 baucar bil/tuntutan AP58(a) tahun 2019 berjumlah RM6.83 juta telah dibayar pada tahun 2020 seperti dalam **Jadual 19**.

JADUAL 19
BIL TAHUN 2019 DIBAYAR
DI BAWAH AP58(a) PADA TAHUN 2020

BIL.	TAHUN 2019 (Bulan)	BAUCAR (Bil.)	JUMLAH (RM)
1.	April	3	2,708
2.	Mei	1	1,094
3.	Jun	2	1,302
4.	Julai	2	714
5.	Ogos	5	2,574
6.	September	3	10,191
7.	Oktober	25	72,837
8.	November	244	723,613
9.	Disember	2,487	6,014,906
JUMLAH		2,772	6,829,939

Sumber: Baucar Bayaran Sehingga Bulan Jun Tahun 2020

- vii. Pihak Audit mendapati peningkatan ketara pembayaran di bawah AP58(a) pada tahun 2020 disebabkan bil/tuntutan yang lewat diterima dan dibayar melalui kelulusan khas yang telah diberikan oleh Pegawai Kewangan Negeri (PKN). Selain itu, didapati PKN juga telah menurunkan kuasa kepada Timbalan PKN untuk kelulusan khas di bawah AP58(a) merujuk kepada Seksyen 15(A) Akta Prosedur Kewangan 1957. Bagaimanapun, perkara ini tidak selaras dengan AP58(a)(iv) yang menjelaskan kelulusan AP58(a) adalah tertakluk kepada PKN sahaja.

Maklum Balas PPNT yang Diterima pada 15 Jun 2020

Berdasarkan makluman daripada Unit Penerangan Darul Iman (UPDI), bil bagi tahun 2017 dan 2018 tidak diselesaikan pada tahun semasa atau melalui AP58(a) tahun 2018 disebabkan oleh program yang banyak serta *ad hoc* terutama sebelum dan selepas pilihanraya tahun 2018 serta dokumen yang diterima daripada pembekal tidak lengkap.

PPNT telah mengambil tindakan dan mengeluarkan peringatan kepada jabatan berkaitan agar perkara ini tidak berulang pada masa akan datang melalui surat PERB.TR.K/36/08/03/10(203) bertarikh 25 Jun 2019. Tindakan surcaj akan dikenakan kepada pegawai berkenaan sekiranya perkara ini berulang.

PPNT juga telah mengeluarkan surat penurunan kuasa kepada Timbalan PKN untuk kelulusan khas AP58(a) melalui surat PERB.TR.U/31/07/04/4-(140) bertarikh 21 Februari 2019. Kelulusan khas PKN juga terhad sehingga tempoh 30 hari daripada tarikh surat kelulusan khas PKN dikeluarkan merujuk kepada arahan PKN melalui surat PERB.TR.U/16/12/01/1-(8) bertarikh 21 Julai 2020.

7. AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

7.1. Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Seksyen 7(b), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini digunakan untuk mengakaunkan semua pinjaman yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan dan pindahan penerimaan pinjaman ke Akaun Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Bekalan Air atau Kumpulan Wang lain yang berkaitan.

7.2. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri tidak menerima sebarang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Ini menjadikan Akaun Pinjaman Disatukan berbaki kosong iaitu untuk enam (6) tahun berturut-turut semenjak tahun 2014. Pinjaman terakhir yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan adalah pada tahun 2013 berjumlah RM22.93 juta bagi membiayai projek bekalan air.

8. AKAUN AMANAH DISATUKAN

8.1. Akaun Amanah Disatukan adalah sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan yang diwujudkan di bawah Seksyen 7(c), Akta Tatacara Kewangan 1957. Akaun ini terdiri daripada Kumpulan Wang Amanah Kerajaan, Kumpulan Wang Amanah Awam dan Akaun Wang Deposit. Semua penerimaan dan pembayaran wang amanah

diakaunkan mengikut kehendak Arahan Amanah di bawah Seksyen 9 dan Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir tahun 2019, baki Akaun Amanah Disatukan adalah berjumlah RM340.20 juta, iaitu meningkat sebanyak RM182.92 juta atau 116.3% berbanding RM157.28 juta pada tahun 2018. Kedudukan Akaun Amanah Disatukan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 20**.

JADUAL 20
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DISATUKN
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada:				
i. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	(14.15)	(215.47)	201.32	93.4
• Kumpulan Wang Pembangunan	(431.57)	(677.25)	245.68	36.3
• Kumpulan Wang Bekalan Air	69.22	70.09	(0.87)	(1.2)
• Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan	348.20	391.69	(43.49)	(11.1)
ii. Kumpulan Wang Amanah Awam	143.25	128.70	14.55	11.3
iii. Akaun Wang Deposit	211.10	244.05	(32.95)	(13.5)
BAKI PADA 31 DISEMBER	340.20	157.28	182.92	116.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

8.2. Analisis Audit menunjukkan peningkatan baki Akaun Amanah Disatukan pada tahun 2019 disumbangkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan sebanyak RM201.32 juta dan Kumpulan Wang Amanah Awam sebanyak RM14.55 juta berbanding pada tahun 2018.

8.3. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.3.1. Kumpulan Wang Amanah Kerajaan ditubuhkan mengikut Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 bagi mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu. Kumpulan Wang Amanah ini adalah kumpulan wang pusingan yang mana pembayaran daripada kumpulan wang ini tidak boleh melebihi had peruntukan yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri. Kumpulan Wang Amanah ini disenaraikan dalam Jadual Kedua dan Jadual Ketiga Akta Tatacara Kewangan 1957.

8.3.2. Baki Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada tahun 2019 adalah berbaki defisit RM14.15 juta berbanding defisit RM215.47 juta pada tahun 2018 iaitu meningkat sebanyak RM201.32 juta atau 93.4%. Peningkatan ini disebabkan oleh peningkatan Kumpulan Wang Pembangunan sebanyak RM245.68 juta pada tahun 2019.

8.4. Kumpulan Wang Pembangunan

8.4.1. Prestasi Kewangan

- a. Kumpulan Wang Pembangunan ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 (Akta 406) dan diperakaunkan dalam Penyata Kumpulan Wang Pembangunan. Sumber kewangan kumpulan wang ini diperoleh melalui caruman daripada Akaun Hasil Disatukan, Terimaan Pemberian dan Pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan serta Terimaan Bayaran Balik Pinjaman daripada agensi Kerajaan negeri. Wang dalam kumpulan wang ini hanya boleh dibelanjakan untuk maksud yang ditentukan dalam Akta tersebut. Kedudukan baki Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 21**.

JADUAL 21
KEDUDUKAN BAKI KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	(677.25)	(796.99)	119.74	15.0
Penerimaan	735.60	631.74	103.86	16.4
Pembayaran	489.92	512.00	(22.08)	(4.3)
Lebihan/Defisit Semasa	245.68	119.74	125.93	105.2
BAKI PADA 31 DISEMBER	(431.57)	(677.25)	245.68	36.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- b. Pada tahun 2019, Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan lebihan semasa berjumlah RM245.68 juta berbanding RM119.74 juta pada tahun 2018. Lebihan ini adalah disebabkan oleh penerimaan berjumlah RM735.60 juta melebihi pembayaran berjumlah RM489.92 juta. Hal ini menjadikan baki defisit terkumpul Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2019 berjumlah RM431.57 juta berbanding RM677.25 juta pada tahun 2018.

8.4.2. Pencapaian Perbelanjaan Pembangunan Tahun 2019

- a. Pada tahun 2019, peruntukan yang diluluskan bagi 16 jabatan/pejabat adalah berjumlah RM599.40 juta untuk melaksanakan 5,094 projek. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM489.92 juta telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek pembangunan. Pencapaian perbelanjaan pembangunan sehingga 31 Disember 2019 adalah sebanyak 81.7% adalah seperti dalam **Jadual 22**.

JADUAL 22
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2019

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PROJEK (Bil.)	PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENCAPAIAN (%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4,805	531.33	469.14	88.3
2.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri	1	50.00	10.89	21.8
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	14	2.02	1.55	76.7
4.	Pejabat Daerah Besut	25	2.00	1.50	75.0
5.	Pejabat Daerah Dungun	29	1.50	1.12	74.7
6.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	62	1.50	1.04	69.3
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	7	2.00	0.91	45.5
8.	Pejabat Daerah Marang	21	1.50	0.87	58.0
9.	Pejabat Daerah Kemaman	21	1.50	0.71	47.3
10.	Pejabat Daerah Setiu	18	1.00	0.64	64.0
11.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	22	1.00	0.52	52.0
12.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	10	2.50	0.50	20.0
13.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	7	0.35	0.24	68.6
14.	Jabatan Pertanian Negeri	41	0.30	0.22	73.3
15.	Jabatan Perhutanan Negeri	9	0.30	0.07	23.3
16.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	2	0.60	0.00	0.0
JUMLAH		5,094	599.4	489.92	81.7

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

- b. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri telah membelanjakan sejumlah RM489.92 juta bagi membiayai pelbagai projek pembangunan berbanding RM512.0 juta pada tahun 2018. Kedudukan perbelanjaan pembangunan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 23**.

JADUAL 23
**KEDUDUKAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018**

BIL.	JABATAN PELAKSANA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	469.14	477.85	(8.71)	(1.8)
2.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri	10.89	17.95	(7.06)	(39.3)
3.	Jabatan Kerja Raya Negeri	1.55	2.70	(1.15)	(42.6)
4.	Pejabat Daerah Besut	1.50	1.72	(0.22)	(12.8)
5.	Pejabat Daerah Dungun	1.12	1.07	0.05	4.7
6.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	1.04	1.12	(0.08)	(7.1)
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	0.91	3.14	(2.23)	(71.0)
8.	Pejabat Daerah Marang	0.87	0.88	(0.01)	(1.1)
9.	Pejabat Daerah Kemaman	0.71	0.63	0.08	12.7
10.	Pejabat Daerah Setiu	0.64	0.31	0.33	106.5

BIL.	JABATAN PELAKSANA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
11.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	0.52	1.29	(0.77)	(59.7)
12.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	0.50	2.29	(1.80)	(78.2)
13.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	0.24	0.53	(0.29)	(54.7)
14.	Jabatan Pertanian Negeri	0.22	0.38	(0.16)	(42.1)
15.	Jabatan Perhutanan Negeri	0.07	0.14	(0.07)	(50.0)
16.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	0.00	0.00	0.00	0.0
JUMLAH		489.92	512.00	(22.09)	(4.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

c. Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri mencatatkan perbelanjaan tertinggi iaitu sejumlah RM469.14 juta pada tahun 2019 atau 95.8% daripada keseluruhan perbelanjaan pembangunan pada tahun 2019. Perbelanjaan sejumlah RM469.14 juta ini antaranya adalah bagi membiayai perbelanjaan Pembangunan Daerah Kuala Nerus sejumlah RM99.90 juta, Projek Khas sejumlah RM76.24 juta, Infrastruktur Bandar Baru Kijal, Kemaman sejumlah RM44 juta, Pembangunan Projek Kecil Seluruh DUN sejumlah RM27.23 juta dan Program Perumahan Terengganuku Sejahtera (PPTS) sejumlah RM26.58 juta. Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri pula mencatatkan perbelanjaan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM10.89 juta bagi perbelanjaan Pengambilan Balik Tanah.

8.4.3. Prestasi Pelaksanaan Projek Tahun Semasa

a. Pada tahun 2019, sebanyak 5,094 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan oleh 16 jabatan/pejabat. Pada keseluruhannya, sebanyak 4,858 atau 95.4% projek telah siap dilaksanakan, 150 projek atau 2.9% sedang dilaksanakan dan 86 projek atau 1.7% belum dimulakan adalah seperti dalam **Jadual 24**.

JADUAL 24
STATUS PENCAPAIAN PELAKSANAAN
PROJEK PEMBANGUNAN PADA TAHUN 2019

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PROJEK DILULUSKAN (Bil.)	SIAP (Bil.)	SEDANG DILAKUKAN (Bil.)	BELUM MULA (Bil.)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4,805	4,580	147	78
2.	Pejabat Daerah Kuala Nerus	62	62	0	0
3.	Jabatan Pertanian Negeri	41	41	0	0
4.	Pejabat Daerah Dungun	29	29	0	0
5.	Pejabat Daerah Besut	25	25	0	0
6.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	22	22	0	0
7.	Pejabat Daerah Kemaman	21	20	1	0
8.	Pejabat Daerah Marang	21	21	0	0
9.	Pejabat Daerah Setiu	18	17	1	0
10.	Jabatan Kerja Raya Negeri	14	12	1	1

BIL.	JABATAN PELAKSANA	PROJEK DILULUSKAN (Bil.)	SIAP (Bil.)	SEDANG DILAKUKAN (Bil.)	BELUM MULA (Bil.)
11.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	10	10	0	0
12.	Jabatan Perhutanan Negeri	9	4	0	5
13.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	7	7	0	0
14.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	7	7	0	0
15.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	2	0	0	2
16.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri	1	1	0	0
JUMLAH		5,094	4,858	150	86

Sumber: Jabatan Negeri

b. Berdasarkan **Jadual 24**, 10 jabatan/pejabat telah berjaya menyiapkan kesemua 225 projek yang diluluskan kepada jabatan/pejabat berkenaan. Antara projek tersebut adalah Jalan Kuala Terengganu *by pass* Fasa 3 dan *Feeder Road*, Kuala Terengganu; Pembinaan Jambatan Di atas Sungai Terengganu Ke Pulau Sekati, Manir Terengganu; serta Pembinaan Jalan Dan Jambatan Dari Jeram Ke Kampung Tok Kong Ke Bukit Guntong Kuala Terengganu. Sebanyak 150 projek di bawah empat (4) jabatan/pejabat masih dalam pelaksanaan, antaranya adalah Pembangunan Kawasan Bebas Cukai Tasik Kenyir; Pengubahsuaian/Naik Taraf Pasar Kedai Payang Dan sekitarnya; serta Bangunan Pusat Pentadbiran Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT). Empat (4) jabatan/pejabat masih belum memulakan 86 projek yang diluluskan. Daripada jumlah tersebut, lima (5) projek nilai terbesar yang belum dimulakan adalah seperti dalam **Jadual 25**.

JADUAL 25
SENARAI LIMA (5) PROJEK NILAI TERBESAR YANG BELUM DIMULAKAN

BIL.	JABATAN PELAKSANA	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Merekabentuk, Membina Dan menyiapkan Semula Terminal Bersepadu Bas dan Teksi Jerteh di Bandar Jerteh	15.00	Projek tersebut akan dilaksanakan pada tahun 2020 dengan mengambil kira keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri yang telah memutuskan supaya Majlis Daerah Besut memohon peruntukan dengan pihak Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan.
2.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Pembangunan Prasarana Pusat Latihan Industri Perkayuan Terengganu (TTITC)	10.66	Kelulusan peruntukan untuk kerja menyelenggara dan membaik pulih bangunan TTITC tahun 2019 adalah berjumlah RM50,000 berbanding jumlah yang diperlukan RM200,000. TTITC telah mengemukakan semula permohonan kepada Pejabat SUK pada tahun 2020.
3.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Jalan Imtiaz Setiu	10.00	Projek ini telah ditangguhkan kerana penyelarasan langkah penjimatan dan memberi keutamaan kepada projek penting sahaja.
4.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan	Membina dan Menyiapkan Depo Majlis Daerah Dungun	5.00	Projek ini telah ditangguhkan kerana penyelarasan langkah penjimatan dan memberi keutamaan kepada

BIL.	JABATAN PELAKSANA	NAMA PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	SEBAB BELUM MULA
	Negeri			projek penting sahaja.
5.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	Pembinaan Perkedaian 3 Tingkat di Bandar Permaisuri	4.00	Projek ini telah ditangguhkan kerana penyelarasan langkah penjimatan dan memberi keutamaan kepada projek penting sahaja.

Sumber: Jabatan Negeri

8.5. Kumpulan Wang Bekalan Air

Kumpulan Wang Bekalan Air ditubuhkan di bawah Akta Kumpulan Wang Bekalan Air (Tatacara Kewangan dan Perakaunan) 1980. Sumber kewangan kumpulan wang ini diperoleh melalui caruman daripada Kerajaan negeri dan pindahan daripada Akaun Pinjaman Disatukan. Baki Kumpulan Wang Bekalan Air pada akhir tahun 2019 berjumlah RM69.22 juta berbanding RM70.09 juta pada tahun 2018 iaitu menurun sebanyak RM0.87 juta. Penurunan sebanyak 1.2% ini adalah disebabkan sejumlah RM0.87 juta telah dibelanjakan tetapi tiada penerimaan pada tahun 2019. Kerajaan negeri tidak menerima sebarang pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan bagi projek bekalan air pada tahun 2019. Kedudukan Kumpulan Wang Bekalan Air pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 26**.

JADUAL 26
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG BEKALAN AIR PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	70.09	71.36	(1.27)	(1.8)
Penerimaan	0.00	0.00	0.00	0.0
Pembayaran	0.87	1.27	(0.40)	(31.5)
Lebihan/Defisit Semasa	(0.87)	(1.27)	0.40	31.5
BAKI PADA 31 DISEMBER	69.22	70.09	(0.87)	(1.2)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

8.6. Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

8.6.1. Kedudukan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 27**.

JADUAL 27
KEDUDUKAN PELBAGAI KUMPULAN WANG
AMANAH KERAJAAN PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Akaun Penyelesaian	4.51	10.23	(5.72)	(55.9)
2.	Akaun Perniagaan	0.17	0.17	0.00	0.0
3.	Akaun Pinjaman	39.09	64.16	(25.07)	(39.1)
4.	Kumpulan Wang Luar Jangka	5.00	5.00	0.00	0.0
5.	Pelbagai Kumpulan Wang Amanah	299.43	312.13	(12.7)	(4.1)
BAKI PADA 31 DISEMBER		348.20	391.69	(43.49)	(11.1)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

8.6.2. Analisis Audit menunjukkan baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM348.20 juta, iaitu menurun sebanyak RM43.49 juta atau 11.1% berbanding RM391.69 juta pada tahun 2018. Pada akhir tahun 2019, Akaun Pinjaman mencatat penurunan tertinggi iaitu sebanyak RM25.07 juta atau 39.1%, antaranya disebabkan penutupan Akaun Peruntukan Amanah Tabung Pusingan Pinjaman Amanah Saham Nasional (ASN) sejumlah RM22.24 juta. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah juga menurun sebanyak RM12.7 juta atau 4.1% manakala Akaun Penyelesaian menurun sebanyak RM5.72 juta atau 55.9%.

8.6.3. Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada PPNT berkenaan Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Antara penemuan Audit yang perlu diberi perhatian adalah seperti berikut:

- pada akhir tahun 2019, baki Akaun Pelbagai Penyelesaian yang belum dilaraskan berjumlah RM3.38 juta di dua (2) PTJ iaitu Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (Perumahan) masing-masing berjumlah RM2.65 juta dan RM0.73 juta;
- sebanyak 588 keping cek terbatal sehingga akhir tahun 2019 berjumlah RM0.52 juta yang mana meliputi cek terbatal dari tahun 2012 hingga 2019; dan
- sebanyak 492 *Electronic Fund Transfer* (EFT) berjumlah RM0.65 juta yang terbatal meliputi tempoh tahun 2013 hingga 2019.

8.6.4. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri

a. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri diwujudkan bertujuan untuk mengakaunkan pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Pemberian ini berdasarkan peruntukan Perkara 109(1)(b), Perlembagaan Persekutuan bagi membayai penyelenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh Jabatan Kerja

Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran, pejabat daerah dan Pihak Berkuasa Tempatan. Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri telah ditubuhkan di bawah Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957.

- b. Pada akhir tahun 2019, baki kumpulan wang ini menurun sebanyak RM12.71 juta menjadi RM249.42 juta berbanding RM262.13 juta pada tahun 2018. Penurunan ini disebabkan peningkatan perbelanjaan pada tahun 2019 sebanyak RM212.81 juta berbanding RM161.95 juta pada tahun 2018. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Penyelenggaraan Jalan Negeri pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 28**.

JADUAL 28
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG AMANAH
PENYELENGGARAAN JALAN NEGERI PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

PERKARA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	262.13	252.49	9.64	3.8
Terimaan	200.10	171.59	28.51	16.6
Perbelanjaan	212.81	161.95	50.86	31.4
BAKI PADA 31 DISEMBER	249.42	262.13	(12.71)	(4.8)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- c. Pada akhir tahun 2019, sejumlah RM212.81 juta atau 106.4% telah dibelanjakan daripada jumlah terimaan RM200.10 juta bagi membiayai kerja penyenggaraan jalan negeri yang dilaksanakan oleh agensi pelaksana. Berdasarkan *Malaysian Road Record Information System* (MARRIS), panjang jalan negeri sehingga 31 Disember 2019 adalah 20,158.78 km, iaitu meningkat sebanyak 64.62 km berbanding 20,094.16 km pada 31 Disember 2018.

8.7. Kumpulan Wang Amanah Awam

8.7.1. Kumpulan Wang Amanah Awam adalah kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957 untuk mengakaunkan wang yang diperuntukkan daripada Kerajaan, sumbangan daripada orang awam dan organisasi kepada Kerajaan negeri bagi tujuan tertentu. Kumpulan wang ini hendaklah diurus mengikut Arahan Amanah yang diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri. Setakat 31 Disember 2019, Kerajaan negeri mempunyai sebanyak 38 akaun amanah di bawah Kumpulan Wang Amanah Awam. Baki kumpulan wang ini pada akhir tahun 2019 adalah berjumlah RM143.25 juta berbanding RM128.70 juta pada tahun 2018 iaitu meningkat sebanyak RM14.55 juta atau 11.3%. Kedudukan Kumpulan Wang Amanah Awam pada tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 29**.

JADUAL 29
KEDUDUKAN KUMPULAN WANG
AMANAH AWAM PADA TAHUN 2019 BERBANDING 2018

PERKARA	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
			(RM Juta)	(%)
Baki Pada 1 Januari	128.70	157.19	(28.49)	(18.1)
Penerimaan	87.00	66.86	20.14	30.1
Pembayaran	72.45	95.35	(22.90)	(24.0)
BAKI PADA 31 DISEMBER	143.25	128.70	14.55	11.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

8.7.2. Analisis Audit mendapati antara akaun amanah yang menunjukkan peningkatan ketara adalah Akaun Amanah Penyelenggaraan Jalanraya yang meningkat sebanyak RM25.24 juta menjadi RM64.74 juta pada tahun 2019 berbanding RM39.50 juta pada tahun 2018. Ini diikuti dengan Kumpulan Wang Pembangunan Hutan yang meningkat sebanyak RM8.35 juta. Akaun amanah yang menunjukkan penurunan ketara pula adalah Akaun Amanah Dana Khas yang menurun sebanyak RM18.59 juta atau 35.4%.

8.7.3. Pada tahun 2019, terdapat satu (1) akaun amanah baharu yang ditubuhkan iaitu Akaun Amanah Kumpulan Wang Pemulihan Bersama Pejabat PTG Terengganu (Kod:65169) berjumlah RM4.11 juta. Tujuan penubuhan akaun amanah ini adalah untuk pemulihan tanah lombong yang menjadi subjek pajakan melombong yang membenarkan pengendalian skala kecil. Akaun ini digunakan bagi tujuan penyediaan pelan pemulihan oleh Jawatankuasa Sumber Mineral Negeri yang ditubuhkan di bawah Seksyen 4 Enakmen Mineral Terengganu 2002.

8.7.4. Pada tahun 2019, terdapat satu (1) akaun amanah iaitu Akaun Amanah Program Penyelenggaraan Perumahan yang telah diluluskan penutupan pada 28 Mac 2019.

8.7.5. Kumpulan Wang Pembangunan Hutan

- a. Kumpulan wang ini diwujudkan mengikut Seksyen 56, Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313). Tujuan penubuhannya adalah untuk melaksanakan pelbagai projek seperti menyedia, melaksana dan mengkaji semula rancangan pengurusan hutan negeri. Punca kewangan bagi kumpulan wang ini adalah pindahan daripada Akaun Hasil Disatukan dan kutipan ses kayu balak.
- b. Pada akhir tahun 2019, kumpulan wang ini mencatatkan lebihan sejumlah RM8.35 juta disebabkan penerimaan berjumlah RM14.64 juta melebihi pembayaran berjumlah RM6.29 juta. Lebihan ini menjadikan baki terkumpul Kumpulan Wang

ini meningkat menjadi RM24.26 juta berbanding RM15.91 juta pada tahun 2018. Baki Kumpulan Wang Pembangunan Hutan bagi tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 30**.

JADUAL 30
BAKI KUMPULAN WANG
PEMBANGUNAN HUTAN PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019

PERKARA	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	4.04	2.98	0.61	7.37	15.91
Penerimaan	3.21	2.92	9.94	12.83	14.64
Pembayaran	4.27	5.29	3.18	4.29	6.29
Lebihan/Defisit	(1.06)	(2.37)	6.76	8.54	8.35
BAKI PADA 31 DISEMBER	2.98	0.61	7.37	15.91	24.26

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 hingga 2019

8.7.6. Akaun Amanah Dana Khas

- a. Akaun Amanah Dana Khas ditubuhkan di bawah Seksyen 9, Akta Tatacara Kewangan 1957. Tujuan penubuhan adalah untuk memperakaunkan wang yang diterima bagi melaksanakan program, projek dan aktiviti yang memberi manfaat kepada rakyat Negeri Terengganu yang diluluskan oleh Jawatankuasa Akaun Amanah. Penerimaan akaun amanah ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan dan sumbangan orang awam, Pihak Berkuasa Berkanun atau mana-mana entiti yang tidak dibiayai sepenuhnya oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Terengganu.
- b. Pada akhir tahun 2019, akaun ini berbaki RM34 juta, iaitu menurun sebanyak RM18.59 juta atau 35.4% berbanding RM52.59 juta pada tahun 2018. Tiada penerimaan dana khas pada tahun 2019. Kedudukan Akaun Amanah Dana Khas pada tahun 2015 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 31**.

JADUAL 31
KEDUDUKAN AKAUN AMANAH DANA KHAS PADA TAHUN 2015 HINGGA 2019

PERKARA	2015 (RM Juta)	2016 (RM Juta)	2017 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Baki Pada 1 Januari	39.37	35.64	140.99	103.55	52.59
Penerimaan	2.97	118.50	0.49	0.00	0.00
Pembayaran	6.70	13.15	37.93	50.96	18.59
Lebihan/Defisit	(3.73)	105.35	(37.44)	(50.96)	(18.59)
BAKI PADA 31 DISEMBER	35.64	140.99	103.55	52.59	34.00

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2015 Hingga 2019

- c. Analisis Audit menunjukkan akaun amanah ini mencatatkan defisit sejumlah RM18.59 juta pada tahun 2019 berbanding sejumlah RM50.96 juta pada tahun

2018. Pada tahun 2019, tiada penerimaan bagi akaun ini berbanding perbelanjaan sejumlah RM18.59 juta. Hal ini menjadikan baki terkumpul Akaun Amanah Dana Khas pada akhir tahun 2019 berjumlah RM34 juta berbanding RM52.59 juta pada tahun 2018. Pada tahun 2019, sejumlah RM18.59 juta telah dibelanjakan bagi Projek Bina Siap dan Naik Taraf Laluan FT3 Jalan Kuala Terengganu - Kuantan. Projek ini telah siap sepenuhnya pada 14 Mei 2020 manakala tarikh tamat Tempoh Liabiliti Kecacatan (DLP) adalah pada 13 Mei 2021.

8.8. Akaun Deposit

8.8.1. Deposit merupakan wang yang diterima oleh sebuah jabatan bagi maksud tertentu dan perlu dikembalikan setelah selesai maksudnya. Mengikut Arahan Perbendaharaan 162, deposit yang tidak dituntut selepas tempoh 12 bulan dari tarikh deposit boleh dikembalikan kepada pendeposit, hendaklah diwartakan. Sekiranya deposit yang diwartakan masih tidak dituntut selepas tiga (3) bulan, ia hendaklah dikreditkan ke Akaun Hasil Disatukan.

8.8.2. Pada akhir tahun 2019, Kerajaan negeri mempunyai dua (2) jenis deposit iaitu Deposit Am Jabatan sejumlah RM147.90 juta dan Deposit Wang Jaminan Pelaksanaan sejumlah RM63.20 juta. Wang deposit tersebut diselenggara oleh 28 jabatan/pejabat melalui 65 akaun deposit yang berjumlah RM211.10 juta. Baki akaun deposit pada tahun 2019 menurun sebanyak RM32.95 juta atau 13.5% berbanding tahun 2018 yang berjumlah RM244.05 juta.

8.8.3. Pada akhir tahun 2019, sebanyak 10 jabatan/pejabat mempunyai deposit melebihi RM1 juta. Sebanyak 18 jabatan/pejabat lain mempunyai deposit di antara RM2,300 hingga RM0.89 juta yang mana jumlah keseluruhan deposit berjumlah RM4.23 juta. Kedudukan deposit pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 32**.

JADUAL 32
KEDUDUKAN DEPOSIT PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri	1	51.23	54.50	(3.27)	(6.0)
2.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	3	46.41	54.29	(7.88)	(14.5)
3.	Jabatan Perhutanan Negeri	2	32.00	35.05	(3.05)	(8.7)
4.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4	28.84	35.16	(6.32)	(18.0)
5.	Jabatan Kerja Raya Negeri	2	28.11	25.42	2.69	10.6

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
					(RM Juta)	(%)
6.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	2	7.03	5.97	1.06	17.8
7.	Pejabat Tanah Dungun	4	6.14	6.17	(0.03)	(0.5)
8.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	4	3.10	3.37	(0.27)	(8.0)
9.	Pejabat Tanah Marang	4	2.11	6.27	(4.16)	(66.3)
10.	Pejabat Tanah Besut	3	1.90	3.24	(1.34)	(41.4)
11.	Jabatan/Pejabat Lain*	36	4.23	14.61	(10.38)	(71.0)
JUMLAH		65	211.10	244.05	(32.95)	(13.5)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

Nota: (*) - Jabatan/Pejabat Lain (Tahun 2018 – 26 Akaun, 15 Jabatan/Pejabat & Tahun 2019 – 36 Akaun, 18 Jabatan/Pejabat)

8.8.4. Analisis Audit mendapati baki Akaun Deposit bagi dua (2) jabatan/pejabat telah mencatatkan peningkatan manakala 23 jabatan/pejabat telah menunjukkan penurunan berbanding tahun 2018. Jabatan Kerja Raya Negeri mencatatkan peningkatan ketara sebanyak RM2.69 juta menjadi RM28.11 juta berbanding RM25.42 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan deposit Wang Jaminan Pelaksanaan yang dibayar oleh pendeposit.

8.8.5. Pejabat Tanah Dan Galian mempunyai wang deposit paling tinggi iaitu berjumlah RM51.23 juta pada akhir tahun 2019, diikuti dengan Pejabat Tanah Kuala Terengganu sejumlah RM46.41 juta seterusnya Jabatan Perhutanan Negeri sejumlah RM32 juta. Wang deposit tertinggi yang diterima oleh Pejabat Tanah dan Galian adalah daripada Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) sejumlah RM51.14 juta bagi premium tanah. Selain itu, wang deposit tertinggi yang diterima oleh Pejabat Tanah Kuala Terengganu sejumlah RM39.35 juta adalah bagi pengambilan balik tanah.

8.8.6. Pejabat Tanah Kuala Terengganu menunjukkan penurunan ketara sebanyak RM7.88 juta menjadi RM46.41 juta berbanding RM54.29 juta pada tahun 2018. Penurunan ini adalah disebabkan oleh bayaran balik deposit kepada pendeposit. Pada tahun 2019, sebanyak sembilan (9) jabatan/pejabat telah mengambil tindakan pewartaan wang deposit bagi 21 akaun deposit berjumlah RM12.11 juta dari tahun 1973 hingga 2017 melibatkan 1,233 pendeposit. Deposit tersebut telah dijadikan hasil negeri memandangkan tiada tuntutan atau bayaran balik kepada pendeposit selepas tempoh tiga (3) bulan ia diwartakan. Butirannya seperti dalam **Jadual 33**.

JADUAL 33
DEPOSIT YANG TELAH DIJADIKAN HASIL NEGERI

BIL.	PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	PENDEPOSIT (Bil.)	TEMPOH DEPOSIT DITERIMA	JUMLAH DEPOSIT (RM Juta)
1.	Pejabat Tanah Marang	4	288	1992 - 2015	4.80
2.	Pejabat Tanah Kemaman	4	503	1975 - 2015	4.24
3.	Pejabat Tanah Setiu	2	97	1996 - 2015	2.41
4.	Pejabat Daerah Kemaman	3	187	1973 - 2017	0.34
5.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	2	6	2005 - 2014	0.16
6.	Pejabat Daerah Dungun	2	99	1998 - 2016	0.07
7.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1	23	1976 - 2009	0.04
8.	Jabatan Kerja Raya	1	15	2005 - 2008	0.04
9.	Pejabat Daerah Hulu Terengganu	2	15	2007 - 2011	0.01
JUMLAH		21	1,233		12.11

Sumber: Jabatan Negeri

8.8.7. Analisis Audit mendapati sebanyak 54 akaun deposit sejak tahun 1983 hingga 2017 berjumlah RM175.75 juta melibatkan 5,048 pendeposit yang boleh dikembalikan belum diambil tindakan pewartaan seperti dalam **Jadual 34**.

JADUAL 34
DEPOSIT TIDAK DITUNTUT BELUM DIWARTAKAN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	PENDEPOSIT (Bil.)	TEMPOH DEPOSIT DITERIMA	JUMLAH DEPOSIT (RM Juta)
1.	Pejabat Pengarah Tanah Dan Galian Negeri	1	12	2006-2017	51.19
2.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2	107	2009-2017	41.39
3.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	4	794	1983-2017	22.48
4.	Jabatan Kerja Raya Negeri	2	1,048	1999 - 2017	21.86
5.	Jabatan Perhutanan Negeri	2	1,299	1990-2017	21.66
6.	Pejabat Tanah Dungun	4	469	1990-2017	5.45
7.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	2	73	1997-2017	3.04
8.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	4	337	1984-2017	2.90
9.	Pejabat Tanah Marang	3	78	2001-2017	1.56
10.	Pejabat Tanah Besut	3	76	1998-2017	1.45
11.	Jabatan Bekalan Air	2	50	1999-2017	0.92
12.	Pejabat Tanah Kuala Nerus	4	113	2005-2017	0.42
13.	Jabatan Kehakiman Syariah Negeri	2	345	1992-2017	0.34
14.	Pejabat Tanah Setiu	3	83	2014-2017	0.20
15.	Pejabat Daerah Kuala Terengganu	2	17	2011-2017	0.19
16.	Pejabat Daerah Kemaman	1	34	2011	0.15
17.	Pejabat Daerah Marang	2	51	2009-2017	0.11
18.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	1	5	2010-2014	0.08
19.	Pejabat Tanah Kemaman	1	18	2016-2017	0.08
20.	Pejabat Daerah Setiu	1	4	2015-2017	0.07
21.	Pejabat Daerah Besut	2	15	2006-2017	0.07

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN DEPOSIT (Bil.)	PENDEPOSIT (Bil.)	TEMPOH DEPOSIT DITERIMA	JUMLAH DEPOSIT (RM Juta)
22.	Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu	1	1	2017	0.06
23.	Pejabat Pengelola Istana	1	3	2016	0.05
24.	Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri	1	8	2016-2017	0.02
25.	Jabatan/Pejabat Lain*	3	8	2015-2017	0.01
JUMLAH		54	5,048		175.75

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Bilangan Pejabat 3 (Pejabat Daerah Kuala Nerus, Pejabat Pertanian Negeri dan Pejabat Daerah Dungun)

8.8.8. Wang Jaminan Pelaksanaan

- Arahan Perbendaharaan 200.2 menetapkan Bon Pelaksanaan bagi kontrak kerja melebihi RM200,000. Salah satu (1) kaedah bayaran ialah melalui Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP). WJP boleh dikembalikan 50% selepas Perakuan Siap Kerja dikeluarkan dan 50% lagi dilepaskan setelah tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan atau setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan [*Certificate of Making Good Defects – CMGD*] dikeluarkan mengikut mana yang terkemudian.
- Pada akhir tahun 2019, WJP adalah berjumlah RM63.20 juta iaitu menurun sebanyak RM3.16 juta atau 4.8% berbanding RM66.36 juta pada tahun 2018. Sejumlah RM23.45 juta WJP melibatkan 140 pendeposit tidak bergerak melebihi lima (5) tahun bermula dari tahun 1999 hingga 2014 adalah seperti dalam **Jadual 35**.

JADUAL 35
WANG JAMINAN PELAKSANAAN YANG TIDAK BERGERAK MELEBIHI 5 TAHUN

BIL.	JABATAN/PEJABAT	AKAUN PENDEPOSIT (Bil.)	TEMPOH DEPOSIT DITERIMA	JUMLAH DEPOSIT (RM Juta)
1.	Pejabat Menteri Besar Dan Setiausaha Kerajaan Negeri	60	2007-2014	16.63
2.	Jabatan Kerja Raya Negeri	23	1999-2014	5.35
3.	Jabatan Pengairan Dan Saliran Negeri	5	2005-2012	0.82
4.	Jabatan Bekalan Air	35	1999-2014	0.49
5.	Pejabat Perbendaharaan Negeri	5	2010-2014	0.08
6.	Pejabat Daerah Besut	4	2006-2014	0.03
7.	Pejabat Daerah Marang	3	2010-2014	0.03
8.	Jabatan Perhutanan Negeri	5	2004-2013	0.02
JUMLAH		140		23.45

Sumber: Jabatan Audit Negara

- Analisis Audit mendapati Jabatan Kerja Raya Negeri (JKR) dan Jabatan Bekalan Air (JBA) merupakan pemegang WJP paling lama semenjak tahun 1999 hingga 2014. Semakan Audit terhadap 58 akaun pendeposit WJP melibatkan 58 projek iaitu 35 di JBA dan 23 di JKR mendapati:

- i. WJP bagi satu (1) daripada 23 projek di JKR telah dipulangkan sepenuhnya kepada pendeposit yang berjumlah RM160,000 pada 31 Mac 2019. Bagaimanapun, urusniaga tersebut tidak dikemas kini dalam Senarai Baki Pendeposit yang berakhir pada 31 Disember 2019;
- ii. sebanyak 23 daripada 35 akaun pendeposit di JBA yang tidak dituntut berjumlah RM354,716 telah diwartakan pada 5 Disember 2019;
- iii. sebanyak 12 akaun pendeposit WJP berjumlah RM130,946 tidak dipulangkan walaupun surat membaiki kecacatan telah dikeluarkan adalah seperti dalam **Jadual 36**;

JADUAL 36
WANG JAMINAN PELAKSANAAN TIDAK DIPULANGKAN OLEH JBA

BIL.	NO. AKAUN	NAMA PROJEK	JUMLAH WJP (RM)	TARIKH PERAKUAN SIAP KERJA
1.	46/2007	Membekal dan memasang By Pass dan PRV di NRW Zon Depu, Kuala Terengganu	5,763	29.06.2007
2.	19/2008	Kerja membaiki kebocoran Zon Puteri 280 NRW Besut	9,935	TM
3.	77/2008	Kerja Tukar Meter Kluang, Besut	6,725	TM
4.	17/2009	Membekal serta memasang paip di Teluk Hulu, Kampung Langgar, Kuala Berang	7,353	23.9.2009
5.	18/2009	Membekal serta memasang paip di Teluk Hulu, Kampung Tajin dan Mukim Kuala Berang	9,548	TM
6.	20/2009	Membekal, memasang dan menguji paip di Taman Bakti Utama ke Pecah Lot Daudeh	5,309	TM
7.	30/2009	Membekal dan memasang paip Kg Telaga, Hulu Terengganu	3,596	28.11.2010
8.	08/2011	Membekal, memasang dan menguji pam di Loji Air, Bunga Besut	9,850	01.01.2011
9.	30/2011	Kerja membaiki bocor paip NRW Zon 2, Kuala Terengganu Selatan	4,905	15.12.2011
10.	18/2012	Memasang paip SK Khairiah ke TNB	41,222	28.01.2013
11.	05/2014*	Membekal, memasang dan menguji paip 250mm, <i>multilayer</i> UPVC PN 12 di Jalan Teratak Batu, Marang	20,987*	01.02.2015
12.	04/2014	Kerja-kerja memasang dan menyambung paip air 155mm UPVC kelas D <i>leadfree</i> di Pulau Meranti, Tok Raja, Besut	5,753	15.03.2014
JUMLAH			130,946	

Sumber: Jabatan Negeri

Nota: (*) – Baki 50% WJP yang belum dipulangkan

TM – Tiada Maklumat

- iv. sebanyak 18 akaun pendeposit WJP di JKR berjumlah RM3.41 juta tidak dipulangkan walaupun surat membaiki kecacatan telah dikeluarkan adalah seperti dalam **Jadual 37**; dan

JADUAL 37
WANG JAMINAN PELAKSANAAN TIDAK DIPULANGKAN - JKR

BIL.	NO. AKAUN	NAMA PROJEK	JUMLAH (RM)	MAKLUM BALAS DARIPADA JKR
1.	03/1999	Pembinaan Menara Tangki Air SMA Sultan Zainal Abidin	13,734	<ul style="list-style-type: none"> Fail projek tidak ditemui
2.	03/2000	Membina dan Menyiapkan Kerja-kerja Ubahsuai Masjid, Menara Dan lain-lain di Kampung Padang Jambu, Dungun	28,055	<ul style="list-style-type: none"> Fail projek tidak ditemui Kontraktor tidak aktif
3.	09/2001	Membekal dan Memasang Papan Tanda Jalan	4,050	<ul style="list-style-type: none"> Perlu dapatkan maklumat kontraktor aktif/tidak
4.	22/2002	Kerja-kerja Pembesaran Bahu Jalan di Jalan Titian Baru, Bukit Payung Dan Lain-Lain	3,395	<ul style="list-style-type: none"> Pendeposit telah meninggal CMGD telah dikeluarkan - tiada bukti dokumen
5.	19/2005	Membina dan Menyiapkan Masjid Mahaad Tahfiz Bukit Payong	25,567	<ul style="list-style-type: none"> Pembakaian kecacatan belum selesai CMGD belum keluar Rujuk CIDB - kontraktor tidak aktif Fail projek tidak ditemui
6.	52/2006	Kerja Ubahsuai Bilik Beradu Istana	12,787	<ul style="list-style-type: none"> Fail projek tidak ditemui JKR telah keluar surat peringatan kepada pendeposit untuk menuntut WJP dalam tempoh 30 hari daripada tarikh surat 24 Jun 2020.
7.	11/2007	Membina dan Menyiapkan Sebuah Padang Kompleks Sukan Negeri Terengganu	26,440	<ul style="list-style-type: none"> Fail projek tidak ditemui Akan buat semakan status syarikat
8.	56/2007	Laluan Awam ke Tapak Solar Hybrid Pulau Perhentian Kecil Terengganu	299,450	Tiada maklumat
9.	90/2007	Ubahsuai Ruang Lobi Lif dan <i>Tile Siling</i> di Jabatan Pengairan Dan Saliran, Wisma Negeri	3,923	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat masih aktif Fail projek tidak ditemui JKR akan hubungi kontraktor untuk buat tuntutan dalam tempoh 1 bulan
10.	03/2009	Membina dan Menyiapkan Pembentungan Pasir Panjang Pulau Redang Kuala Terengganu	129,579	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat masih aktif Isu tangki STP pecah, under warranty oleh supplier, telah dibaiki selepas tempoh DLP Fail tidak ditemui JDKT akan proses untuk selesaikan pelepasan WJP
11.	29/2009	Membina dan Menyiapkan Bangunan Jentera Berat di Kompleks Kraf Seni Ukuran Kayu Kampung Raja	20,010	Tiada maklumat
12.	08/2010	Rekabentuk Bina dan Siap Solar Elektrik <i>Power Supply</i> Taman Burung Hulu Terengganu (Reka dan Bina)	103,000	<ul style="list-style-type: none"> Wang Tahanan <i>Design Guarantee Bond</i> untuk 5 tahun Dalam proses semakan dengan pihak Pusat Khidmat Kontraktor Belum selesai membaiki kecacatan Sistem solar telah tidak digunakan Guna bekalan elektrik TNB
13.	25/2011	Kerja Membekal Pasang, Uji serta Uji terima <i>Water Cooler Chiller</i> Wisma Negeri	24,940	Tiada maklumat
14.	27/2011	Cadangan Bina Menara Pemancar Sistem Telekomunikasi Bagi Rangkaian Jalur Lebar Negeri Terengganu	310,000	<ul style="list-style-type: none"> Selesai Bayaran WJP telah dilepaskan sepenuhnya pada 06.02.2020 bernombor baucar V0000128

BIL.	NO. AKAUN	NAMA PROJEK	JUMLAH (RM)	MAKLUM BALAS DARIPADA JKR
15.	03/2012	Bina & Siap Bangunan Asrama dan Bangunan Cafe di Kampus TATIUC Kemaman	2,280,000	<ul style="list-style-type: none"> Wang Tahanan <i>Design Guarantee</i> untuk 5 tahun Sijil Perakuan Siap bertarikh 21.05.2013 Masih ada isu kecacatan yang belum selesai. Kebocoran <i>water proofing</i> di <i>roof slab</i>. Dalam perhatian PKN dan Pegawai Undang-Undang Surat tukar daripada WJP kepada <i>Design Guarantee Bond</i> Kontraktor masih aktif
16.	10/2013	Kerja Tanah Bagi Cadangan Pembangunan Kampus TESDEC Bukit Kor Marang	74,950	<ul style="list-style-type: none"> Syarikat muflis dan akaun dibekukan Fail projek tidak ditemui
17.	02/2014	Naiktaraf Bilik VIP Lapangan Terbang Sultan Mahmud	13,931	<ul style="list-style-type: none"> Fail projek tidak ditemui Projek disiapkan oleh kontraktor penyelamat
18.	24/2014	Mereka, Bekal & Bina Loji Rawatan Najis Sekolah Menengah Kebangsaan Imtiaz Beris Meraga Kijal, Kemaman	39,400	Tiada maklumat
JUMLAH			3,413,211	

Sumber: Jabatan Negeri

v. WJP berjumlah RM1.78 juta bagi empat (4) projek di JKR tidak dapat dikenal pasti sama ada perlu dipulangkan atau tidak kerana tiada maklumat yang mencukupi adalah seperti dalam **Jadual 38**.

JADUAL 38 **STATUS WJP YANG TIDAK DAPAT DIKENAL PASTI**

BIL.	NO. AKAUN	NAMA PROJEK	JUMLAH WJP (RM)	MAKLUM BALAS DARIPADA JKR
1.	05/2005	Membina dan Menyiapkan Masjid Kg Buloh	51,381	<ul style="list-style-type: none"> Merujuk surat kepada Yusra Enterprise bertarikh 24.06.2012, WJP sejumlah RM51,381 akan dirampas kerana kontrak ditamatkan Semakan CIDB, tiada rekod kontraktor Sedang dapatkan fail projek. Jika tiada akan dibuat proses warta Projek telah disiapkan oleh kontraktor penyelamat
2.	48/2007	Membina dan Menyiapkan Bangunan Penolong Pentadbir Taman Ilmu	146,639	<ul style="list-style-type: none"> Projek ini <i>Force Termination</i> Fail projek tidak ditemui
3.	52/2007	Membina dan Menyiapkan Parcel D Pusat Pelajar Taman Ilmu Besut	1,357,710	<ul style="list-style-type: none"> Projek ini <i>Force Termination</i> sebab syarikat muflis, WJP/PB sepatutnya dirampas Fail projek tidak ditemui
4.	13/2014	Cadangan Membina dan Menyiapkan Kedai dan Pejabat Pakej 3E Ajil	224,950	<ul style="list-style-type: none"> Projek ditamatkan 20.02.2017 Semakan CIDB, tiada rekod kontraktor Projek disiap dengan perolehan secara sebut harga Kecacatan siap dibaiki JKR Hulu Terengganu akan keluar surat pengesyoran kepada Bahagian Kewangan untuk rampas WJP
JUMLAH			1,780,680	

Sumber: Jabatan Negeri

9. PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum adalah penyata yang menunjukkan aset dan tanggungan Kerajaan negeri yang tidak dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Penyata ini terdiri daripada Memorandum Aset dan Memorandum Liabiliti. Memorandum Aset menunjukkan sebahagian aset kewangan Kerajaan negeri iaitu Pinjaman Boleh Dituntut dan Pelaburan yang dikenakan kepada perbelanjaan mengurus atau pembangunan. Memorandum Liabiliti pula menunjukkan liabiliti Kerajaan negeri iaitu Hutang Awam.

9.1. Pinjaman Boleh Dituntut

9.1.1. Pinjaman Boleh Dituntut merupakan pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan negeri kepada agensi negeri dengan menggunakan sumber Kerajaan negeri atau pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan. Pada tahun 2019, Kerajaan negeri tidak memberi sebarang pinjaman baharu kepada agensi negeri.

9.1.2. Pada akhir tahun 2019, baki Pinjaman Boleh Dituntut (pokok dan tunggakan faedah) adalah berjumlah RM189.20 juta iaitu menurun sebanyak RM59.63 juta atau 24% berbanding RM248.83 juta pada tahun 2018. Kedudukan baki Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 39**.

JADUAL 39
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN BOLEH
DITUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	62.35	62.35	0.00	0.0
2.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)	126.85	186.48	(59.63)	(32.0)
JUMLAH		189.20	248.83	(59.63)	(24.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

9.1.3. Pada tahun 2019, bayaran balik pinjaman yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan negeri adalah berjumlah RM69.03 juta (anuiti tahun semasa sejumlah RM6.68 juta dan tunggakan bayaran balik awal tahun 2019 sejumlah RM62.35 juta). Bagaimanapun, bayaran balik pinjaman yang diterima oleh Kerajaan negeri pada tahun 2019 adalah sejumlah RM6.68 juta atau 9.7% sahaja daripada yang sepatutnya diterima.

9.1.4. Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut

a. Pada akhir tahun 2019, Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut adalah berjumlah RM62.35 juta iaitu menurun sebanyak RM21.17 juta atau 25.3%

berbanding RM83.52 juta pada tahun 2018. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penjadualan semula pinjaman TISB selepas mengambil kira pengecualian faedah yang diluluskan oleh MMKN bertarikh 2 Januari 2019. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Boleh Dituntut pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 40**.

JADUAL 40
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN
BOLEH TUNTUT PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	AGENSI/SYARIKAT	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	62.35	62.35	0.00	0.0
2.	Terengganu Incorporated Sdn. Bhd. (TISB)	0.00	21.17	(21.17)	(100.0)
JUMLAH		62.35	83.52	(21.17)	(25.3)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

- b. Mengikut perjanjian pinjaman antara Kerajaan negeri dan agensi, bayaran balik pinjaman hendaklah dibayar mengikut jadual bayaran balik dan diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati sebanyak 12 pinjaman yang sepatutnya telah selesai masih mempunyai baki belum selesai berjumlah RM62.35 juta (pokok dan faedah). Pinjaman ini adalah pinjaman yang diberi kepada PMINT yang mana sepatutnya diselesaikan seawal tahun 1988 dan selewatnya pada tahun 2000.
- c. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 pinjaman kepada PMINT berjumlah RM41.01 juta (pokok) yang dikeluarkan antara tahun 1980 hingga 1993 belum pernah dibuat bayaran balik. Faedah tertunggak bagi 10 pinjaman ini adalah berjumlah RM10.36 juta menjadikan baki pinjaman yang perlu dijelaskan berjumlah RM51.37 juta.

9.2. Pelaburan

Pelaburan yang telah dikenakan kepada perbelanjaan mengurus dan perbelanjaan pembangunan tidak dilaporkan di Penyata Kedudukan Kewangan tetapi ditunjukkan dalam Penyata Akaun Memorandum. Pada akhir tahun 2019, Pelaburan Kerajaan negeri adalah berjumlah RM3.45 juta, iaitu meningkat sebanyak RM0.17 juta atau 5.2% berbanding RM3.28 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini tidak dipengaruhi oleh pelaburan baharu tetapi hanya kenaikan harga sesaham Amanah Saham Darul Iman daripada RM0.2550 kepada RM0.2687 seunit pada akhir tahun 2019.

9.3. Hutang Awam

9.3.1. Kerajaan negeri boleh meminjam daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai projek pembangunannya. Pinjaman yang belum dijelaskan merupakan hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan dan dinyatakan sebagai Hutang Awam dalam Penyata Kewangan. Kedudukan Hutang Awam (pokok dan tunggakan faedah) pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 41**.

JADUAL 41
KEDUDUKAN HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	251.52	578.02	(326.50)	(56.5)
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	58.46	79.96	(21.50)	(26.9)
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	0.00	27.96	(27.96)	(100.0)
4.	Ladang Awam	0.00	42.98	(42.98)	(100.0)
5.	Pelaburan	0.00	4.02	(4.02)	(100.0)
6.	Pembangunan Hutan	0.00	0.19	(0.19)	(100.0)
JUMLAH		309.98	733.13	(423.15)	(57.7)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

9.3.2. Analisis Audit menunjukkan pada akhir tahun 2019, baki hutang Kerajaan negeri kepada Kerajaan Persekutuan menurun sebanyak RM423.15 juta atau 57.7% menjadi RM309.98 juta berbanding RM733.13 juta pada tahun 2018. Penurunan ini adalah disebabkan bayaran balik hutang oleh Kerajaan negeri sejumlah RM425.70 juta (pokok dan tunggakan faedah) serta pertambahan anuiti (faedah) tahun semasa sebanyak RM2.55 juta. Selain itu, tiada pinjaman baharu yang diterima pada tahun 2019.

9.3.3. Kedudukan tunggakan bayaran balik Hutang Awam pada akhir tahun 2019 dan 2018 adalah seperti dalam **Jadual 42**.

JADUAL 42
KEDUDUKAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
HUTANG AWAM PADA AKHIR TAHUN 2019 DAN 2018

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Bekalan Air	30.44	331.67	(301.23)	(90.8)
2.	Perumahan Awam Kos Rendah	3.25	16.36	(13.11)	(80.1)
3.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	0.00	27.96	(27.96)	(100.0)
4.	Ladang Awam	0.00	42.98	(42.98)	(100.0)
5.	Pelaburan	0.00	2.96	(2.96)	(100.0)
6.	Pembangunan Hutan	0.00	0.19	(0.19)	(100.0)
JUMLAH		33.69	422.12	(388.43)	(92.0)

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

9.3.4. Baki tunggakan Hutang Awam telah menurun sebanyak RM388.43 juta atau 92% kepada RM33.69 juta pada tahun 2019 berbanding RM422.12 juta pada tahun 2018.

9.3.5. Kerajaan negeri telah membuat bayaran balik (pokok dan faedah) berjumlah RM425.70 juta bagi enam (6) maksud pinjaman adalah seperti di **Jadual 43**. Bayaran balik tahun 2019 yang berjumlah RM425.70 juta, merangkumi RM397.88 juta (pokok) dan RM27.82 juta (faedah) telah dijelaskan secara *offset* melalui pemotongan 25% Bayaran Tunai Petroleum daripada Kerajaan Persekutuan kepada Kerajaan Negeri Terengganu.

JADUAL 43
BAYARAN BALIK HUTANG KERAJAAN NEGERI PADA TAHUN 2019

BIL.	BUTIRAN PINJAMAN	BAYARAN BALIK TAHUN 2019		JUMLAH BAYARAN BALIK (RM Juta)
		POKOK (RM Juta)	FAEDAH (RM Juta)	
1.	Ladang Awam	30.75	12.23	42.98
2.	Bekalan Air	326.50	0.00	326.50
3.	Perumahan Awam Kos Rendah	17.92	5.71	23.63
4.	Pembangunan Kawasan Perindustrian	19.33	8.63	27.96
5.	Pembangunan Hutan	0.19	0.00*	0.19
6.	Pelaburan	3.19	1.25	4.44
JUMLAH		397.88	27.82	425.70

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019

Nota: (*) - RM3,828.48

10. NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

Nota Kepada Penyata Kewangan adalah sebahagian daripada penyata kewangan. Ia memberi penerangan dan maklumat terperinci mengenai jumlah yang ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Akaun Memorandum serta maklumat tambahan lain seperti Akaun Belum Terima, peristiwa yang berlaku selepas tarikh Penyata Kedudukan Kewangan dan angka perbandingan.

10.1. Akaun Belum Terima

10.1.1. Akaun Belum Terima (ABT) adalah sejumlah wang yang sepatutnya diterima oleh Kerajaan negeri pada suatu masa tetapi masih belum diterima. Akaun Belum Terima terdiri daripada tunggakan faedah bayaran balik pinjaman boleh dituntut, cukai tanah dan lain-lain hasil. Kedudukan ABT pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 44**.

JADUAL 44
KEDUDUKAN AKAUN BELUM TERIMA
PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	BUTIRAN	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Faedah Pinjaman	13.61	13.61	0.00	0.0
2.	Cukai Tanah	24.10	24.02	0.08	0.3
3.	Lain-lain Hasil	49.08	0.28	48.80	17,428.6
JUMLAH		86.79	37.91	48.88	128.9

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

10.1.2. Pada akhir tahun 2019, jumlah ABT Kerajaan negeri meningkat sebanyak RM48.88 juta atau 128.9% menjadi RM86.79 juta berbanding RM37.91 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini disebabkan oleh lain-lain hasil meningkat sebanyak RM48.80 juta menjadi RM49.08 juta berbanding RM0.28 juta pada tahun 2018. Peningkatan ketara lain-lain hasil adalah disebabkan PPNT telah mengambil kira tunggakan pinjaman (pokok) sebagai ABT berbanding pada tahun 2018 yang hanya merekodkan tunggakan faedah sebagai ABT.

10.1.3. Sebahagian besar daripada ABT tahun 2019 terdiri daripada tunggakan bayaran balik pinjaman (pokok) sejumlah RM48.75 juta iaitu pinjaman boleh dituntut daripada PMINT. Sebanyak empat (4) notis tuntutan bayaran balik telah dikeluarkan pada tahun 2019, namun tiada bayaran balik dibuat oleh PMINT pada tahun 2019. Kedudukan ABT pada tahun 2019 mengikut tempoh tunggakan adalah seperti dalam **Jadual 45**.

JADUAL 45
KEDUDUKAN ABT MENGIKUT TEMPOH TUNGGAKAN PADA 31 DISEMBER 2019

BIL.	BUTIRAN TUNGGAKAN	1 TAHUN (RM Juta)	1-3 TAHUN (RM Juta)	4-6 TAHUN (RM Juta)	> 6 TAHUN (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
1.	Faedah Pinjaman	0.00	0.00	0.00	13.61	13.61
2.	Cukai Tanah	10.26	2.42	5.61	5.81	24.10
3.	Lain-Lain Hasil	0.07	0.03	0.15	48.83	49.08
JUMLAH		10.33	2.45	5.76	68.25	86.79

Sumber: Penyata Akaun Belum Terima

10.1.4. Mengikut Kanun Tanah Negara 1965, Seksyen 94(2), Cukai Tanah tahun semasa hendaklah dibayar dalam tempoh 1 Januari hingga 31 Mei. Cukai Tanah yang tidak dibayar dalam tempoh tersebut akan menjadi tunggakan. Kedudukan tunggakan Cukai Tanah mengikut pejabat tanah pada akhir tahun 2019 berbanding 2018 adalah seperti dalam **Jadual 46**.

JADUAL 46
KEDUDUKAN TUNGGAKAN CUKAI TANAH MENGIKUT
PEJABAT TANAH PADA AKHIR TAHUN 2019 BERBANDING 2018

BIL.	PEJABAT	2019 (RM Juta)	2018 (RM Juta)	PERUBAHAN	
				(RM Juta)	(%)
1.	Pejabat Tanah Kemaman	9.25	7.60	1.65	21.7
2.	Pejabat Tanah Hulu Terengganu	2.73	2.81	(0.08)	(2.8)
3.	Pejabat Tanah Besut	2.27	3.00	(0.73)	(24.3)
4.	Pejabat Tanah Dungun	2.20	2.11	0.09	4.3
5.	Pejabat Tanah Kuala Terengganu	2.10	2.31	(0.21)	(9.1)
6.	Pejabat Tanah Marang	1.96	2.72	(0.76)	(27.9)
7.	Pejabat Tanah Kuala Nerus	1.89	1.99	(0.10)	(5.0)
8.	Pejabat Tanah Setiu	1.70	1.48	0.22	14.9
JUMLAH		24.10	24.02	0.08	0.3

Sumber: Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Tahun 2019 dan 2018

10.1.5. Analisis Audit mendapati tiga (3) pejabat tanah mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah berbanding tahun 2018. Pejabat Tanah Kemaman mencatatkan peningkatan tunggakan Cukai Tanah tertinggi pada tahun 2019 iaitu sebanyak RM1.65 juta menjadi RM9.25 juta berbanding RM7.60 juta pada tahun 2018.

11. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada akhir tahun 2019 adalah seperti berikut:

11.1. kedudukan Kumpulan Wang Disatukan pada tahun 2019 berjumlah RM597.56 juta, meningkat sebanyak RM442.89 juta atau 286.3% berbanding RM154.67 juta pada tahun 2018;

11.2. hasil yang diperoleh pada tahun 2019 berjumlah RM2.561 bilion iaitu meningkat sebanyak RM768.44 juta atau 42.9% berbanding RM1.793 bilion pada tahun 2018;

11.3. perbelanjaan mengurus pada tahun 2019 berjumlah RM2.301 bilion meningkat sebanyak RM428.23 juta atau 22.9% berbanding RM1.873 bilion pada tahun 2018;

11.4. pelaburan berjumlah RM410 juta pada tahun 2019 meningkat sebanyak RM349.80 juta atau 581.1% berbanding RM60.20 juta pada tahun 2018;

- 11.5. pembayaran di bawah AP58(a) telah meningkat dengan ketara sebanyak RM2.98 juta atau 65.8% menjadi RM7.51 juta pada tahun 2019 berbanding RM4.53 juta pada tahun 2018;
- 11.6. Akaun Amanah Disatukan meningkat sebanyak RM182.92 juta atau 116.3% menjadi RM340.20 juta pada tahun 2019 berbanding RM157.28 juta pada tahun 2018;
- 11.7. Kumpulan Wang Pembangunan telah mencatatkan lebihan semasa pada tahun 2019 berjumlah RM245.68 juta berbanding RM119.74 juta pada tahun 2018;
- 11.8. Kerajaan negeri telah berjaya melaksanakan sebanyak 4,858 atau 95.4% daripada 5,094 projek yang dirancang. Sejumlah RM489.92 juta atau 81.7% telah dibelanjakan berbanding RM599.40 juta peruntukan yang diluluskan;
- 11.9. Pinjaman Boleh Dituntut pada tahun 2019 berjumlah RM189.20 juta iaitu menurun sebanyak RM59.63 juta atau 24% berbanding RM248.83 juta pada tahun 2018. Bagaimanapun, tunggakan bayaran balik Pinjaman Boleh Dituntut menurun sebanyak RM21.17 juta atau 25.3% menjadi RM62.35 juta pada tahun 2019 berbanding RM83.52 juta pada tahun 2018;
- 11.10. Hutang Awam menurun sebanyak RM423.15 juta atau 57.7% menjadi RM309.98 juta pada tahun 2019 berbanding RM733.13 juta pada tahun 2018. Tunggakan bayaran balik Hutang Awam juga menurun sebanyak RM388.43 juta atau 92% menjadi RM33.69 juta pada tahun 2019 berbanding RM422.12 juta pada tahun 2018; dan
- 11.11. Akaun Belum Terima meningkat sebanyak RM48.88 juta atau 128.9% menjadi RM86.79 juta pada tahun 2019 berbanding RM37.91 juta pada tahun 2018.

12. SYOR AUDIT

Kerajaan negeri perlu mempertingkatkan prestasi kewangannya supaya sumber pendapatan yang diperoleh dapat menampung keseluruhan perbelanjaan mengurus dan pembangunan serta tanggungan semasa. Kerajaan negeri perlu mengamalkan pengurusan kewangan lebih berhemat dan disiplin fiskal yang tinggi demi memastikan keadaan kewangan terus kukuh dan terkawal tanpa menjaskan mutu perkhidmatan dan pembangunan ekonomi negeri. Sehubungan itu, adalah disyorkan:

- 12.1. memastikan kelulusan khas pembayaran AP 58(a) dikurangkan bagi mengelakkan penggunaan peruntukan tahun semasa dan mengawal perbelanjaan;
- 12.2. memastikan tindakan berterusan diambil untuk meningkatkan hasil Kerajaan negeri dan mengutip tunggakan hasil serta mengenal pasti sumber pendapatan baharu; dan
- 12.3. memastikan WJP bagi projek yang telah tamat tempoh kecacatan yang tidak dapat dikembalikan kepada kontraktor diambil tindakan sewajarnya selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa.



BAHAGIAN III

**PENYERAHAN, PENGESAHAN,
PEMBENTANGAN PENYATA
KEWANGAN DAN PRESTASI
KEWANGAN AGENSI NEGERI**

BAHAGIAN III

PENYERAHAN, PENGESAHAN, PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN DAN PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI

FAKTA UTAMA

PRESTASI KEWANGAN AGENSI NEGERI TAHUN 2019	Bilangan Agensi Negeri	16 Akaun Agensi
	8 Badan Berkanun Negeri	1 Pendapat Tanpa Teguran
	7 Pihak Berkuasa Tempatan	15 Belum Disahkan
	1 Majlis Agama Islam	

1. PENDAHULUAN

Mengikut Akta Audit 1957, Ketua Audit Negara mempunyai kuasa untuk mengaudit penyata kewangan agensi negeri iaitu, Badan Berkanun Negeri (BBN), Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Majlis Agama Islam (MAI). Objektif pengauditan adalah untuk memberikan pendapat terhadap penyata kewangan agensi negeri sama ada penyata ini menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan yang berkaitan telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

2. PENG AUDITAN PENYATA KEWANGAN

2.1. Pada tahun 2020, Jabatan Audit Negara dikehendaki mengaudit 16 penyata kewangan agensi negeri bagi tahun kewangan 2019, iaitu lapan (8) BBN, tujuh (7) PBT dan satu (1) MAI. BBN ditubuhkan di bawah Enakmen Tubuh Badan Berkanun Negeri, PBT pula ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) manakala MAI ditubuhkan di bawah Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Islam (Terengganu) 1422H/2001M.

2.2. Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap penyata kewangan bagi satu (1) BBN, satu (1) PBT dan satu (1) MAI manakala baki 13 penyata kewangan lagi dilaksanakan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik. Pelantikan FAS ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(3), Akta Audit 1957 (Akta 62) yang memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara melantik pihak yang berkebolehan untuk menjalankan pengauditan bagi pihak beliau.

2.3. Pengauditan penyata kewangan tahun 2019 adalah berpandukan Garis Panduan Pengauditan Penyata Kewangan Asas Akruan berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) bagi memastikan pengauditan adalah berkualiti serta mematuhi piawaian perakaunan dan pengauditan yang diluluskan. Antara perkara yang ditetapkan dalam garis panduan tersebut adalah penyediaan Memorandum Perancangan Audit, penilaian risiko dan bukti audit, komunikasi dengan pihak pengurusan dan tadbir urus, pensampelan dan pelaporan.

3. KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN

3.1. Setakat 31 Ogos 2020, enam (6) BBN, tujuh (7) PBT dan satu (1) MAI telah mengemukakan penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 untuk diaudit. Dua (2) BBN lagi masih belum mengemukakan penyata kewangan tahun 2019 untuk diaudit iaitu Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT) dan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT).

3.2. Berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diumumkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan kesan daripada pandemik COVID-19, Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT) telah menetapkan tarikh akhir bagi mengemukakan penyata kewangan bagi kesemua 16 agensi negeri adalah pada 31 Mei 2020 berbanding 30 April 2020 sebelum ini. Daripada 14 agensi terlibat, sembilan (9) agensi telah mengemukakan penyata kewangan dalam tempoh yang ditetapkan manakala lima (5) agensi negeri mengemukakan penyata kewangan selepas 31 Mei 2020. Kedudukan penyerahan penyata kewangan tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN
AGENSI NEGERI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH TERIMA
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Majlis Sukan Negeri Terengganu (MSNT)	17.05.2020
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu (YPKT)	27.05.2020
3.	Yayasan Islam Terengganu (YIT)	31.05.2020
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu (PPAT)	01.06.2020
5.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu (LMNT)	04.06.2020
6.	Yayasan Terengganu (YT)	15.06.2020
7.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu (PMINT)	Belum diterima
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT)	Belum diterima
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Besut (MDB)	27.02.2020
2.	Majlis Daerah Marang (MDM)	27.02.2020
3.	Majlis Perbandaran Kemaman (MPK)	05.05.2020
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT)	28.05.2020

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH TERIMA
5.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)	31.05.2020
6.	Majlis Perbandaran Dungun (MPD)	31.05.2020
7.	Majlis Daerah Setiu (MDS)	10.06.2020
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM)	30.06.2020*

Sumber: Jabatan Audit Negara

Nota: (*) - Telah mendapat kelulusan pelanjutan tempoh daripada PPNT

3.3. Ketua Audit Negara telah mengeluarkan arahan melalui surat bertarikh 11 Julai 2018 yang menetapkan supaya semua penyata kewangan yang dikemukakan oleh agensi mulai tahun 2019 mestilah lengkap dan *auditabile*. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan) serta perakuan oleh Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan dokumen sokongan. Kegagalan agensi untuk mengemukakan penyata kewangan yang lengkap dan *auditabile* akan menyebabkan Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan tidak dapat dikeluarkan terhadap penyata kewangan berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan.

4. PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN

4.1. Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia atau *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB) merupakan badan yang bertanggungjawab menerbitkan piawaian perakaunan untuk diguna pakai oleh syarikat bermotifkan keuntungan dan Badan Berkanun Persekutuan seperti yang digariskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan Malaysia PA 3.1. Piawaian perakaunan yang diluluskan oleh MASB untuk diterima pakai di Malaysia adalah *Financial Reporting Standards (FRS)/ Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)* dan *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)*. Pemakaian MFRS adalah tertakluk kepada undang-undang seliaan Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti atau Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

4.2. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pula telah mengeluarkan *Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)* melalui proses tadbir urus seperti yang dinyatakan dalam *Ministerial Function Acts 1969* di mana salah satu fungsi JANM adalah menentukan polisi, sistem dan kawalan perakaunan awam selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957. Status pemakaian piawaian perakaunan oleh agensi negeri bagi tahun kewangan 2019 adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEMAKAIAN PIAWAIAN PERAKAUNAN
OLEH AGENSI NEGERI BAGI TAHUN KEWANGAN 2019

BIL.	PIAWAIAN PERAKAUNAN	BILANGAN AGENSI
1.	<i>Malaysian Private Entities Reporting Standards (MPERS)</i>	15
2.	<i>Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS)</i>	1
3.	<i>Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS)</i>	0
	JUMLAH	16

Sumber: Penyata Kewangan Agensi

5. SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN

Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan telah disediakan berdasarkan keperluan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI). ISSAI menetapkan sebanyak dua (2) jenis pendapat audit iaitu Pendapat Tanpa Teguran dan Pendapat Diubahsuai.

5.1. Pendapat Tanpa Teguran

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa penyata kewangan telah disediakan secara saksama dan memberi gambaran yang benar dalam semua aspek penting selaras dengan piawaian perakaunan yang berkenaan.

5.2. Pendapat Diubahsuai

Pendapat Diubahsuai diberikan terhadap penyata kewangan yang mengandungi salah nyata yang ketara, tidak memperoleh bukti Audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tidak memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara. Pendapat Berteguran, Pendapat Bertentangan atau Penafian Pendapat hendaklah digunakan mengikut kesesuaian seperti berikut:

5.2.1. Perkara yang Tidak Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Perenggan *Emphasis of Matter* (EOM)

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara yang sesuai dikemukakan atau dinyatakan dalam penyata kewangan, di atas pertimbangan juruaudit mentafsirkan ianya amat penting dan asas kepada pemahaman pengguna penyata kewangan.

b. Perenggan Hal-hal Lain (*Other Matter*)

Perenggan yang dimasukkan ke dalam Laporan Audit yang merujuk kepada perkara selain daripada yang dikemukakan atau dinyatakan di dalam penyata kewangan yang pada pertimbangan juruaudit, berkaitan dengan pemahaman pengguna mengenai audit, tanggungjawab juruaudit atau Laporan Audit.

c. Perkara Audit Utama [*Key Audit Matter (KAM)*]

ISSAI 1701 menyatakan perenggan Perkara Audit Utama (KAM) meliputi isu signifikan dalam tahun semasa yang telah dimaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab mengenai tadbir urus.

5.2.2. Perkara yang Menjejaskan Pendapat Juruaudit

a. Pendapat Berteguran

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material tetapi tidak menyeluruh kepada penyata kewangan. Pendapat ini dikeluarkan setelah mendapat bukti Audit yang mencukupi dan bersesuaian atau tiada bukti Audit yang mencukupi untuk dijadikan asas pendapat. Juruaudit membuat kesimpulan bahawa kemungkinan kesan daripada salah nyata ke atas penyata kewangan tidak dapat dikenal pasti, berkemungkinan boleh menjadi material tetapi tidak pervasif.

b. Pendapat Bertentangan

Pendapat yang dinyatakan oleh Juruaudit apabila membuat kesimpulan bahawa salah nyata, secara individu/agregat, adalah material dan pervasif kepada penyata kewangan setelah mendapat bukti Audit yang mencukupi dan bersesuaian.

c. Penafian Pendapat

Pendapat ini dinyatakan oleh Juruaudit apabila kesan yang mungkin timbul daripada kekangan skop adalah material dan pervasif di mana bukti Audit tidak mencukupi untuk memberi pendapat terhadap penyata kewangan. Juruaudit tidak dapat memberi pendapat sama ada penyata kewangan menunjukkan gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan. Selain itu, pendapat penafian turut diberi dalam situasi di mana walaupun Juruaudit telah memperoleh bukti Audit yang mencukupi mengenai setiap ketidakpastian, tetapi tidak dapat memberi pendapat terhadap penyata kewangan disebabkan oleh potensi

ketidaktentuan berinteraksi dan berkemungkinan kesan kumulatif ke atas penyata kewangan.

5.3. Sehingga 31 Ogos 2020, Jabatan Audit Negara telah mengesahkan satu (1) daripada 14 penyata kewangan tahun 2019 yang diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 dan diberikan Sijil Tanpa Teguran. Terdapat dua (2) penyata kewangan tahun 2019 yang belum dikemukakan untuk diaudit iaitu PMINT dan LTAWNT. Bilangan penyata kewangan mengikut jenis pendapat Audit yang diberikan bagi tempoh tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PENDAPAT AUDIT YANG DIBERIKAN TERHADAP
PENYATA KEWANGAN AGENSI NEGERI BAGI TEMPOH TAHUN 2016 HINGGA 2019

BIL.	JENIS PENDAPAT AUDIT	TAHUN KEWANGAN (Bil. Penyata Kewangan)			
		2016	2017	2018	2019
1.	Pendapat Tanpa Teguran	15	15	15	1
2.	Pendapat Tanpa Teguran dengan <i>Emphasis of Matter</i>	1	1	-	-
3.	Pendapat Berteguran	-	-	1	-
4.	Pendapat Bertentangan	-	-	-	-
5.	Penafian Pendapat	-	-	-	-
JUMLAH		16	16	16*	1**

Sumber: Sijil Ketua Audit Negara Tahun 2016 hingga 2019

Nota: (*) - Sebanyak 12 pensijilan penyata kewangan agensi negeri tahun 2018 telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) Tahun 2018 manakala empat (4) pensijilan lagi dilaporkan dalam LKAN Tahun 2019.

(**) - Sebanyak 13 pensijilan penyata kewangan agensi negeri belum dimuktamadkan dan dua (2) penyata kewangan masih belum diterima setakat 31 Ogos 2020.

5.4 Status pengauditan penyata kewangan bagi kesemua 16 agensi bagi tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 4**.

JADUAL 4
STATUS PENGAUDITAN PENYATA KEWANGAN
BADAN BERKANUN NEGERI, MAJLIS AGAMA ISLAM DAN
PIHKAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

BIL.	AGENSI NEGERI	STATUS PENGAUDITAN
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Majlis Sukan Negeri Terengganu	Dalam proses pengauditan
2.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	Dalam proses pengauditan
3.	Yayasan Islam Terengganu	Dalam proses pengauditan
4.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	Dalam proses pengauditan
5.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	Dalam proses pengauditan
6.	Yayasan Terengganu	Dalam proses pengauditan
7.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	Belum diterima
8.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	Belum diterima

BIL.	AGENSI NEGERI	STATUS PENG AUDITAN
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Marang	Selesai
2.	Majlis Daerah Besut	Dalam proses pengauditan
3.	Majlis Perbandaran Kemaman	Dalam proses pengauditan
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	Dalam proses pengauditan
5.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	Dalam proses pengauditan
6.	Majlis Perbandaran Dungun	Dalam proses pengauditan
7.	Majlis Daerah Setiu	Dalam proses pengauditan
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	Dalam proses pengauditan

Sumber: Jabatan Audit Negara

6. PEMBENTANGAN PENYATA KEWANGAN

6.1. Akta Badan Berkanun 1980 dan Enakmen penubuhan BBN (kecuali Majlis Sukan Negeri Terengganu) dan Majlis Agama Islam telah menetapkan bahawa penyata kewangan agensi yang telah diaudit beserta pendapat Ketua Audit Negara hendaklah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri (DUN). Mengikut Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), satu (1) salinan penyata kewangan dan pendapat yang dikeluarkan oleh Ketua Audit Negara terhadap penyata kewangan PBT dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri dan seterusnya dibentangkan di DUN.

6.2. Setakat 31 Ogos 2020, penyata kewangan tahun 2018 yang telah disahkan oleh Ketua Audit Negara bagi 15 agensi telah dibentangkan di DUN. Bagi MSNT, undang-undang penubuhannya tidak menetapkan penyata kewangan perlu dibentangkan di DUN. Tarikh pembentangan bagi 15 penyata kewangan agensi tersebut adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENYATA KEWANGAN TAHUN 2018 YANG TELAH
DIBENTANGKAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI SETAKAT 31 OGOS 2020

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI
BADAN BERKANUN NEGERI		
1.	Yayasan Pembangunan Keluarga Terengganu	25.11.2019
2.	Yayasan Islam Terengganu	25.11.2019
3.	Perbadanan Perpustakaan Awam Terengganu	25.11.2019
4.	Lembaga Muzium Negeri Terengganu	25.11.2019
5.	Yayasan Terengganu	25.11.2019
6.	Perbadanan Memajukan Iktisad Negeri Terengganu	25.11.2019
7.	Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu	25.11.2019

BIL.	AGENSI NEGERI	TARIKH PEMBENTANGAN DI DEWAN UNDANGAN NEGERI
PIHAK BERKUASA TEMPATAN		
1.	Majlis Daerah Besut	25.11.2019
2.	Majlis Daerah Marang	25.11.2019
3.	Majlis Perbandaran Kemaman	25.11.2019
4.	Majlis Daerah Hulu Terengganu	25.11.2019
5.	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu	25.11.2019
6.	Majlis Perbandaran Dungun	25.11.2019
7.	Majlis Daerah Setiu	25.11.2019
MAJLIS AGAMA ISLAM		
1.	Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu	23.03.2020

Sumber: Minit Persidangan Kali Ketiga Penggal Kedua Dewan Undangan Negeri Terengganu Keempat Belas Tahun 2019

7. ANALISIS PRESTASI KEWANGAN

Analisis prestasi kewangan agensi yang dilaporkan setiap tahun oleh Jabatan Audit Negara adalah merangkumi prestasi berkaitan pendapatan, lebihan/kurangan pendapatan, aset dan liabiliti. Pada tahun 2020, telah berlaku peristiwa luar biasa yang belum pernah dialami sebelumnya iaitu pandemik COVID-19. Keadaan ini turut menjelaskan proses pengesahan penyata kewangan agensi negeri berikut pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan dan pelanjutan tempoh agensi mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit, daripada 30 April 2020 kepada 31 Mei 2020 seperti yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Oleh itu, analisis prestasi kewangan agensi tidak dilaporkan pada kali ini kerana hanya satu (1) penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah selesai diaudit. Baki 13 penyata kewangan masih dalam proses pengauditan manakala dua (2) penyata kewangan masih belum diterima.

8. RUMUSAN AUDIT

Setakat 31 Ogos 2020, sebanyak 14 daripada 16 agensi negeri telah mengemukakan penyata kewangan tahun 2019 untuk diaudit manakala dua (2) agensi negeri masih belum mengemukakan penyata kewangan untuk diaudit. Hanya satu (1) daripada 14 penyata kewangan tahun 2019 yang diterima bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 telah disahkan dan diberi Pendapat Tanpa Teguran iaitu Majlis Daerah Marang.

9. SYOR AUDIT

Kerjasama semua peringkat di agensi negeri termasuk pemantauan yang efektif di peringkat Perbendaharaan Negeri akan memastikan penyediaan penyata kewangan memenuhi piawaian perakaunan. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

- 9.1. agensi negeri perlu memastikan penyata kewangan dikemukakan dengan lengkap dan *auditable* mengikut tempoh ditetapkan. Penyata kewangan yang lengkap perlu mengandungi penyata yang ditandatangani oleh pengurus dan seorang ahli Lembaga Pengarah (Akaun Induk dan Akaun Kumpulan), perakuan oleh pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan, serta dokumen sokongan yang berkaitan; dan
- 9.2. agensi negeri perlu memastikan penyediaan penyata kewangan selaras dengan piawaian perakaunan yang diguna pakai pada masa kini.



BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

BAHAGIAN IV

PENGAUDITAN PEMATUHAN JABATAN/AGENSI NEGERI

1. PENDAHULUAN

- 1.1. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti) diperkenalkan pada tahun 2007 bagi menilai sama ada pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan berkuat kuasa. Pengauditan ini adalah selaras dengan Seksyen 6, Akta Audit 1957. Penilaian terhadap pengurusan kewangan dibuat dengan menyemak elemen utama, indikator dan sub-indikator. Skor diberi kepada setiap indikator/sub indikator dan penarafan diberi terhadap tahap prestasi pengurusan kewangan kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri. Pada tahun 2017, pendekatan pengurusan kewangan telah ditambah baik kepada penilaian berasaskan risiko. Setiap kriteria yang diaudit dikategorikan kepada tiga (3) tahap risiko, iaitu risiko tinggi, risiko sederhana dan risiko rendah.
- 1.2. Mulai tahun 2019, pengauditan pematuhan terhadap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri diperkenalkan sebagai pendekatan baharu yang merangkumi penyata kewangan dan pengurusan kewangan selaras dengan *The International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAI) 4000 dan 4100. Pengauditan ini memberi tumpuan secara mendalam kepada sesuatu bidang utama audit (*key audit area*)/kawalan pengurusan kewangan berdasarkan *Risk Profiling* yang dilaksanakan terhadap setiap kementerian/jabatan/agensi Persekutuan dan negeri. Pengauditan pematuhan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemberosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam.
- 1.3. Pada tahun 2019, Jabatan Audit Negara telah menetapkan tema pengauditan pematuhan meliputi pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) dan pengurusan perolehan. Pemilihan tajuk pembayaran di bawah AP 58(a) di Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT) dilaksanakan kerana peningkatan yang ketara perbelanjaan tersebut pada tahun 2019 dan 2018. Manakala, pemilihan tajuk pengurusan perolehan bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) dan Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) dilaksanakan ekoran dari isu-isu perolehan yang ditemui semasa pengauditan Indeks Akauntabiliti Pengurusan Kewangan yang telah dilaksanakan pada tahun 2013 dan 2016. Senarai pengauditan pematuhan bagi tahun 2019 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PENGAUDITAN PEMATUHAN BAGI TAHUN 2019

BIL.	TAJUK PEMATUHAN	JABATAN/AGENSI NEGERI
1.	Pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a)	Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT)
2.		Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT)
3.	Pengurusan Perolehan	Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT)
4.		Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT)



PENGAUDITAN PEMATUHAN

**PEJABAT PERBENDAHARAAN
NEGERI TERENGGANU**

- PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)

PEJABAT PERBENDAHARAAN NEGERI TERENGGANU

1. PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)

FAKTA UTAMA

RM7.52 Juta

Jumlah AP58(a) yang telah dibayar bagi tahun 2019

1,331

Bilangan baucar bayaran yang terlibat

1. LATAR BELAKANG

1.1. Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a) menetapkan kebenaran Bendahari Negeri adalah diperlukan bagi membayar atau menyelaras baucar perbelanjaan mengurus yang dikemukakan dalam tahun kewangan semasa, berkaitan dengan pertanggungan yang kena dibayar pada atau sebelum hujung tahun kewangan yang lama. Jika Bendahari Negeri mendapati sebab kelewatan pembayaran itu tidak memuaskan atau jika ada keraguan atau peruntukan tidak mencukupi, Pengawai Pengawal hendaklah mengemukakan kertas permohonan kepada Pegawai Kewangan Negeri (PKN) bagi mendapat kelulusan.

1.2. Pekeliling penutupan Akaun Kerajaan Negeri Terengganu Bilangan 4 Tahun 2017 mengenai pembayaran di bawah AP58(a) menetapkan Pegawai Pengawal adalah diingatkan bahawa perkhidmatan atau bekalan yang diterima dalam tahun 2017 tetapi tidak sempat dibuat pembayarannya sebelum tarikh yang ditetapkan, maka bayaran berkenaan perlu menggunakan peruntukan tahun 2018 di bawah AP58(a).

1.3. Pejabat Perbendaharaan Negeri Terengganu (PPNT) telah menurunkan kuasa kepada Timbalan PKN untuk memberi kelulusan khas bagi pembayaran AP58(a) berjumlah RM100,000 dan ke bawah.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada ada pembayaran di bawah AP58(a) dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan yang telah ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di PPNT terhadap pematuhan pembayaran di bawah AP58(a) bagi tahun 2019. Semakan telah dibuat terhadap 1,331 baucar bayaran berjumlah RM7.52 juta bagi tahun 2019.

3.2. Kaedah pelaksanaan pengauditan meliputi semakan baucar bayaran, rekod dan dokumen kewangan. Selain itu, perbincangan bersama pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh untuk memperkuatkannya penemuan Audit. Perisian *Audit Command Language* juga telah digunakan bagi menganalisis data.

4. PENEMUAN AUDIT

Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada PPNT dan Urusetia Penerangan Darul Iman pada 27 Julai 2020. Maklum balas telah diterima pada 5 Ogos 2020 dan Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) telah diadakan pada 9 Ogos 2020. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Perbelanjaan Tanpa Peruntukan

4.1.1. AP 176.1 (d) dan (e) menjelaskan Pesanan Kerajaan hendaklah dikeluarkan sebelum perolehan dilaksanakan. Manakala mengikut perenggan 5.12 Pekeliling Perbendaharaan Negeri Bil. 1 Tahun 2017, menyatakan Pegawai Pengawal hendaklah memastikan kelulusan diperoleh sebelum komitmen perbelanjaan dilakukan. Tiada apa-apa kelulusan diberi sekiranya komitmen perbelanjaan dilakukan dan pegawai yang terlibat akan dipertanggungjawabkan sepenuhnya. Tindakan surc妖 boleh diambil kepada pegawai yang tidak mematuhi arahan ini.

4.1.2. Semakan Audit mendapati sebanyak 21 baucar bayaran AP58(a) melibatkan Urusetia Penerangan Darul Iman (UPDI) berjumlah RM314,578 adalah perbelanjaan tanpa peruntukan kerana pihak UPDI mengeluarkan Pesanan Kerajaan selepas program selesai dilaksanakan. Ini menyebabkan perolehan yang dilaksanakan tidak dipertanggungjawabkan terlebih dahulu untuk tujuan perbelanjaan dan pembayaran. Oleh itu, perolehan tersebut dilaksanakan tanpa peruntukan walaupun Pesanan Kerajaan dikeluarkan selepas perolehan dilaksanakan. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
PESANAN KERAJAAN DIKELUARKAN
SELEPAS TARIKH SEBENAR PELAKSANAAN PROGRAM

BIL.	NO./ TARIKH BAUCAR	NO./ TARIKH BIL	AMAUN (RM)	PERIHAL	NO./TARIKH PESANAN KERAJAAN	TARIKH PROGRAM SEBENAR
1.	V0002744/ 29.07.2019	00049950/ 10.10.2017	42,569	Membekal <i>billboard</i> lawatan kerja TPM ke Besut, "Selamat Datang TPM dan Terima Kasih TPM"	CKTB 823976/ 04.10.2017	Tarikh Lawatan TPM ke Besut: 16.04.2017
2.	V0002743/ 29.07.2019	00049959/ 29.11.2017	28,090	Membekal <i>billboard</i> "Salam Maal Hijrah 1439H 2017"	CKTB 823979/ 28.11.2017	Tarikh Maal Hijrah: 21.09.2017
3.	V0002746/ 29.07.2019	00049694/ 08.10.2017	27,984	Membekal <i>billboard</i> , bunting dan <i>banner</i> "Majlis Pelancaran Sukan Sea Acara Endurance 2017"	CKTB 823965/ 05.10.2017	Sukan Sea Acara Endurance 2017: 20.08.2017
4.	V0002745/ 29.07.2019	00049696/ 08.10.2017	26,712	Membekal <i>billboard</i> , bunting dan <i>banner</i> untuk kerja-kerja Sukan Sea 2017	CKTB 823964/ 05.10.2017	Sukan Sea 2017: 19-30.08.2017
5.	V0002734/ 29.07.2019	00049405/ 06.08.2017	21,094	Membekal <i>billboard</i> dalam dan luar daerah "Tahniah dan Syabas SPM, STPM 2017"	CKTB 823967/ 03.08.2017	Keputusan STPM: 28.02.2017, Keputusan SPM: 16.03.2017
6.	V0004841/ 13.11.2019	00049957/ 16.11.2017	19,249	Membekal <i>billboard</i> sempena sambutan Hari Deepavali 2017	CKTB 847007/ 15.11.2017	Tarikh Deepavali: 18.10.2017
7.	V0004722/ 10.11.2019	00049400/ 06.08.2017	17,914	Membekal <i>banner</i> dan <i>billboard</i> "Selamat Pulang Perantau 2017"	CKTB 846961/ 03.08.2017	Tarikh Hari Raya Aidilfitri: 25.06.2017
8.	V0004698/ 10.11.2019	00049421/ 07.08.2017	17,490	Membekal <i>billboard</i> sempena Hari Pekerja 2017	CKTB 846974/ 03.08.2017	Hari Pekerja: 01.05.2017
9.	V0004852/ 13.11.2019	00049695/ 08.10.2017	17,484	Membekal <i>banner</i> , bunting dan <i>billboard</i> bagi Majlis Sumbangan kepada Bakal Haji	CKTB 846999/ 05.10.2017	Waktu Kepulangan Haji: September 2017
10.	V0004717/ 10.11.2019	00049392/ 06.08.2017	17,066	Membekal <i>billboard</i> "Selamat Hari Raya 2017"	CKTB 846955/ 03.08.2017	Hari Raya Aidilfitri: 25.06.2017
11.	-	-	78,926	Lain-lain (*)	-	-
	JUMLAH		314,578			

Sumber: Baucar Bayaran Tahun 2019 PPNT

Nota: (*) - Sebanyak 11 baucar bayaran bagi lain-lain program

4.1.3. Semakan Audit juga mendapati pembayaran yang dibuat melalui AP 58(a) melibatkan invois-invois tahun 2017.

Maklum Balas UPDI yang Diterima pada 6 Ogos 2020

UPDI menjelaskan bahawa arahan perolehan diperolehi daripada pegawai Pejabat Menteri Besar secara lisan. Bagaimanapun, pihak UPDI telah mengambil tindakan untuk menyelaras semula proses perolehan mengikut prosedur kewangan yang ditetapkan. Sehingga bulan Jun 2020, tiada lagi pembayaran di bawah AP58(a) melibatkan UPDI bagi bil-bil tahun 2017.

Pernyataan Audit | Amalan arahan perolehan secara lisan adalah bertentangan dengan prosedur kewangan dan boleh memberi kesan kepada peruntukan kewangan jabatan. Tindakan surcaj boleh diambil kepada pegawai yang tidak mematuhi prosedur perolehan yang telah ditetapkan.

4.2. Pesanan Kerajaan Dikeluarkan Secara Manual

4.2.1. Sebanyak 34 baucar bayaran AP58 (a) tahun 2019 bagi UPDI berjumlah RM0.78 juta melibatkan bil/invois tahun 2017. Perolehan ini telah menggunakan Pesanan Kerajaan secara manual pada tahun 2017. Bagaimanapun, PKN telah mengeluarkan surat kelulusan pada 25 September 2018. Butiran lanjut adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
BAUCAR BAYARAN MENGGUNAKAN PESANAN KERAJAAN SECARA MANUAL

BIL.	BAUCAR (Bil.)	PERIHAL	AMAUN (RM Juta)
1.	3	Perkhidmatan Sewa <i>LED Display</i> Tahun 2017	0.04
2.	31	Membekal <i>billboard, banner, bunting</i> dan kalender Tahun 2017	0.74
JUMLAH			0.78

Sumber: Baucar Bayaran Tahun 2019 PPNT

4.2.2. Perolehan tersebut telah dilaksanakan terlebih dahulu sebelum Pesanan Kerajaan dikeluarkan melalui sistem SPEKs. Perkara ini menyebabkan Pesanan Kerajaan tidak dapat dibuat melalui sistem kerana telah melangkaui tahun perolehan. Oleh itu, pihak UPDI telah menggunakan borang Pesanan Kerajaan secara manual dan memohon kelulusan PPNT untuk membolehkan bayaran dibuat di bawah AP 58(a).

Maklum Balas UPDI yang Diterima pada 6 Ogos 2020

Pihak UPDI telah mendapat kelulusan khas daripada Pejabat PKN berkenaan kebenaran pengeluaran Pesanan Kerajaan secara manual melalui surat PKN PERB.TR.K/32/10/35/3(53) bertarikh 25 September 2018. Pesanan Kerajaan secara manual dikeluarkan kerana PPNT telah menutup butang Pesanan Kerajaan pada sistem SPEKs lebih awal. Selain itu, menjadi amalan pembekal utama iaitu Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu untuk mengemukakan bil tuntutan pada akhir tahun.

Pernyataan Audit	Amalan mengeluarkan Pesanan Kerajaan secara manual adalah bertentangan dengan prosedur kewangan yang boleh memberi kesan kepada peruntukan kewangan jabatan.
-------------------------	---

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan kepada peraturan kewangan, PPNT perlu meneliti semula amalan kelulusan khas bagi pembayaran AP58(a) dan mempertimbangkan pemakaian Pengurusan Pembayaran di bawah AP59 terhadap sebarang ketidakakuruan dalam proses perolehan Kerajaan.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

- PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA DAN
RUNDINGAN TERUS**

JABATAN HAL EHWAL AGAMA TERENGGANU

2. PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA DAN RUNDINGAN TERUS

FAKTA UTAMA

RM64.44 Juta

Peruntukan mengurus tahun 2018

RM61.76 Juta (95.8%)

Perbelanjaan bagi tahun 2018

RM67.60 Juta

Peruntukan mengurus tahun 2019

RM63.9 Juta (94.5%)

Perbelanjaan bagi tahun 2019

1. LATAR BELAKANG

Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) diwujudkan dengan pembentukan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Terengganu pada 2 November 1911. JHEAT merupakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab khususnya dalam hal yang berkaitan dengan pengurusan dan pentadbiran keagamaan negeri. Pada tahun 2018, sejumlah RM64.44 juta telah diperuntukkan dan sejumlah RM61.76 juta (95.8%) telah dibelanjakan oleh JHEAT. Manakala bagi tahun 2019, peruntukan mengurus JHEAT adalah sejumlah RM67.6 juta dan perbelanjaan pula berjumlah RM63.9 juta (94.5%).

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi memastikan sama ada perolehan dan perbelanjaan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan akta, peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di Unit Perolehan terhadap pematuhan perolehan bagi tahun 2019 dan 2018. Semakan telah dibuat terhadap 23 perolehan secara sebut harga bekalan/perkhidmatan/kerja bagi tahun 2019 dan 2018.

3.2. Kaedah pengauditan meliputi semakan fail, rekod dan dokumen kewangan. Pemeriksaan fizikal juga dilaksanakan bagi mengesahkan perolehan dan perbelanjaan yang dibuat. Selain itu, perbincangan bersama pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh untuk memperkuuhkan penemuan Audit. Perisian *Audit Command Language* juga telah digunakan bagi menganalisis data.

4. PENEMUAN AUDIT

Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada pihak JHEAT pada 10 Mac 2020. Maklum balas telah diterima pada 7 Jun 2020 dan Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) telah diadakan pada 17 Mac 2020. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Kontrak Formal Tidak Ditandatangani Bagi Perolehan Bekalan Bermasa

4.1.1. AP 176.1(c) menetapkan bagi semua perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa, kontrak formal hendaklah diadakan walaupun nilai perolehan kurang daripada RM50,000.

4.1.2. Semakan Audit mendapati **tiada dokumen kontrak disediakan antara JHEAT dengan pembekal bagi tiga (3) perolehan bekalan bermasa yang keseluruhannya berjumlah RM970,590** adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
SENARAI PEROLEHAN YANG TIADA DOKUMEN KONTRAK

BIL.	PERIHAL PEROLEHAN	TARIKH SST DIKELUARKAN	TEMPOH PEROLEHAN	NILAI PEROLEHAN (RM)
1.	120,000 Keping Kad Akuan Nikah Bercip	17.01.2018	2018 - 2020 (3 Tahun)	588,000
2.	2 Unit Perkakasan Mencetak Kad Nikah dan Pencetak Kad HID Fargo HDP5000	09.04.2019	2019 - 2021 (3 Tahun)	202,590
3.	24,000 Buku Gerbang Perkahwinan	01.08.2018	2018 - 2019 (2 Tahun)	180,000
JUMLAH				970,590

Sumber: Fail Sebut Harga JHEAT

4.1.3. Semakan Audit mendapati Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan kepada pembekal yang dipilih. Bagaimanapun, kontrak/perjanjian tidak disediakan untuk ketiga-tiga perolehan ini walaupun penghantaran item bagi setiap perolehan bermasa iaitu antara dua (2) hingga tiga (3) tahun.

4.1.4. Keadaan ini berlaku kerana pegawai yang diberi tanggungjawab kurang teliti terhadap pengurusan kontrak. Perkara ini menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi.

Maklum Balas JHEAT yang Diterima pada 7 Jun 2020

JHEAT memaklumkan perjanjian untuk dua (2) daripada tiga (3) perolehan tersebut telah disediakan. JHEAT telah mengemukakan draf perjanjian kad nikah bercip kepada

Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri untuk tujuan semakan manakala perjanjian bagi pencetak kad nikah telah disempurnakan pada 13 Mei 2020.

Pernyataan Audit	Ketiadaan dokumen kontrak menyebabkan kepentingan Kerajaan tidak dilindungi. Tindakan menyediakan perjanjian hanya diambil oleh JHEAT setelah menerima teguran Audit.
-------------------------	--

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan kepada peraturan perolehan, JHEAT disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.1. memastikan tatacara perolehan dipatuhi sepenuhnya mengikut peraturan kewangan yang berkuat kuasa dan perjanjian dimuktamadkan; dan
- 5.2. mengenakan tindakan yang sewajarnya terhadap pegawainya yang terbukti tidak mematuhi peraturan kewangan.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

- PEROLEHAN SECARA PEMBELIAN TERUS

MAJLIS BANDARAYA KUALA TERENGGANU

3. PEROLEHAN SECARA PEMBELIAN TERUS

FAKTA UTAMA

RM113.27 Juta

Peruntukan tahun 2018

RM50.41 Juta (44.5%)

Perbelanjaan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2018

RM100.12 Juta

Peruntukan tahun 2019

RM80.03 Juta (79.9%)

Perbelanjaan yang telah dilaksanakan bagi tahun 2019

1. LATAR BELAKANG

1.1. Pada 1 Januari 2008, Kuala Terengganu diberi pengiktirafan sebagai Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Bandaraya Warisan Pesisir Air. Penubuhan MBKT berdasarkan perundangan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 1720), Akta Makanan 1983 (Akta 281), Akta Pengangkutan Jalan 1987, Bahagian III (Akta 333) dan Akta Petroleum (Langkah-langkah Keselamatan 1984 - Bahagian VI).

1.2. Bagi tahun 2018, sejumlah RM113.27 juta telah diperuntukkan dan sejumlah RM50.41 juta atau 44.5% telah dibelanjakan oleh MBKT. Manakala bagi tahun 2019, peruntukan MBKT adalah sejumlah RM100.12 juta dan sejumlah RM80.03 juta atau 79.9% telah dibelanjakan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada perolehan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan akta, peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di Jabatan Perbendaharaan terhadap pematuhan perolehan bagi tahun 2019 dan 2018.

3.2. Semakan telah dibuat terhadap 642 baucar bayaran (60.3%) berjumlah RM2.19 juta daripada 1,064 baucar bayaran berjumlah RM3.44 juta bagi tahun 2019. Manakala bagi tahun 2018, sejumlah 340 baucar bayaran (31%) berjumlah RM2.83 juta

dari pada 1,097 baucar bayaran berjumlah RM4.53 juta telah disemak. Butiran terperinci adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
BILANGAN SAMPEL BAUCAR BAYARAN
MENGIKUT BUTIRAN KOD BAGI TAHUN 2019 DAN 2018

BUTIRAN KOD	2019		2018	
	BAUCAR BAYARAN (Bil. Sampel)	JUMLAH (RM)	BAUCAR BAYARAN (Bil. Sampel)	JUMLAH (RM)
26000	240	1,166,716	130	1,386,246
27000	320	689,870	140	712,889
28000	82	340,069	70	729,841
JUMLAH	642	2,196,655	340	2,828,976

Sumber: Baucar Bayaran MBKT

3.3. Kaedah pengauditan meliputi semakan fail, rekod dan dokumen kewangan. Pemeriksaan fizikal juga dilaksanakan bagi mengesahkan perolehan yang dibuat. Selain itu, perbincangan bersama pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh untuk memperkuatkkan penemuan Audit. Perisian *Audit Command Language* juga telah digunakan bagi menganalisis data.

4. PENEMUAN AUDIT

Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada pihak MBKT pada 27 Februari 2020. Maklum balas telah diterima pada 18 Mac 2020 dan Mesyuarat Penutupan (*Exit Conference*) telah diadakan pada 11 Mac 2020. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Perolehan Dibuat Secara Pecah Kecil

4.1.1. Pekeliling Perbendaharaan PK2 Perenggan 1.3 menetapkan perolehan bekalan dan perkhidmatan setiap jenis item yang melibatkan perbelanjaan tahunan melebihi RM20,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 hendaklah dibuat dengan mempelawa sebut harga. Ketua Jabatan adalah dilarang memecah kecil perolehan bagi mengelakkan sebut harga dan tender.

4.1.2. Semakan Audit mendapati **72 perolehan bagi tujuh (7) jenis item yang sama berjumlah RM408,083 telah dipecah kecil dan dibuat secara pembelian terus** adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
PEROLEHAN DIBUAT SECARA PECAH KECIL

BIL.	JENIS ITEM	PESANAN KERAJAAN (Bil.)	TAHUN	JUMLAH (RM)
1.	Perolehan Convex Mirror 600mm Stainless Steel	2	2019	39,750
2.	Perolehan Coin Handling Board dan Coin Selecter Serta Peralatan Elektronik	4	2019	37,528
3.	Perolehan Peralatan Bagi Penyenggaraan Lampu Huruf Daulat Tuanku	4	2019	30,806
4.	Perolehan Peralatan Elektrik	36	2018	171,432
5.	Perolehan Toner	19	2018	50,685
6.	Perolehan Skrin LCD XI-Model Mackey Guardian	3	2018	22,684
7.	Perolehan Alat Ganti Bulldozer, Excavator dan Lain-lain	4	2018	55,198
JUMLAH KESELURUHAN		72		408,083

Sumber: Baucar Bayaran MBKT

4.1.3. Ini disebabkan perolehan dibuat oleh setiap unit dan tidak dipantau oleh jabatan/bahagian/unit yang berkenaan sehingga berlakunya pembelian secara pecah kecil.

Maklum Balas MBKT yang Diterima pada 10 Mac 2020 dan 18 Mac 2020

MBKT memaklumkan tiada perancangan dan penyelarasan pembelian di peringkat jabatan/bahagian/unit serta permohonan pembelian segera atas keperluan di luar jangkaan. Pihak Pengurusan Tertinggi Majlis telah bersetuju untuk menubuhkan Unit Perolehan yang akan diletakkan di bawah Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan.

Pernyataan Audit | Perolehan berjumlah RM408,083 tidak mengikut peraturan kewangan dan menyebabkan MBKT tidak mendapat tawaran harga yang munasabah daripada pembekal lain.

4.2. Perolehan Insurans Berjumlah RM487,738 Tanpa Pesanan Kerajaan

4.2.1. Mengikut Pekeling Perbendaharaan, Perolehan Kerajaan 4.2 Perenggan 2, Pesanan Kerajaan adalah satu dokumen kewangan yang dikeluarkan oleh Agensi Kerajaan kepada syarikat untuk memesan bekalan atau perkhidmatan. AP 176.1 menetapkan bahawa Pesanan Kerajaan perlu dikeluarkan terlebih dahulu sebelum sesuatu bekalan atau perkhidmatan diperoleh daripada pembekal.

4.2.2. Semakan Audit mendapati MBKT telah membuat perolehan insurans berjumlah RM487,738 melalui satu (1) agen tanpa Pesanan Kerajaan seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
PEROLEHAN INSURANS TANPA PESANAN KERAJAAN

BIL.	BAUCAR BAYARAN				JUMLAH (RM)
	NOMBOR	TARIKH	PERIHAL		
TAHUN 2019					
1.	BB0093/19	07.01.2019	Perlindungan Takaful Kebakaran		5,015
2.	BB0420/19	24.01.2019	Bayaran Insurans Kenderaan MBKT		13,541
3.	BB0775/19	21.02.2019	Bayaran Insurans Kenderaan MBKT dan Perlindungan Skim <i>Money</i> Takaful		20,844
4.	BB1879/19	29.04.2019	Bayaran Insurans Kenderaan MBKT		7,887
5.	BB2080/19	09.05.2019	Bayaran Insurans Kenderaan MBKT		24,814
6.	BB2123/19	12.05.2019	Perlindungan Takaful Liabiliti Awam dan Takaful Kebakaran		85,364
7.	BB2739/19	17.06.2019	Bayaran Insurans Kenderaan MBKT		10,744
8.	BB3534/19	29.07.2019	Bayaran Insurans Kenderaan MBKT		11,612
JUMLAH					179,821
TAHUN 2018					
9.	BB0311/18	17.01.2018	Perlindungan Takaful Liabiliti Awam dan Takaful Kebakaran		84,151
10.	BB0408/18	22.01.2018	Perlindungan Insurans Kenderaan MBKT		17,953
11.	BB0842/18	13.02.2018	Bayaran Insurans Kenderaan MBKT dan Perlindungan Skim <i>Money</i> Takaful		32,133
12.	BB0978/18	26.02.2018	Perlindungan Insurans Kenderaan MBKT		2,678
13.	BB1518/18	16.04.2018	Perlindungan Insurans Kenderaan MBKT		8,612
14.	BB2447/18	02.07.2018	Perlindungan Insurans Kenderaan MBKT		27,317
15.	BB2975/18	07.08.2018	Perlindungan Insurans Kenderaan MBKT		12,124
16.	BB3577/18	20.09.2018	Perlindungan Insurans Kenderaan MBKT		12,028
17.	BB3938/18	29.10.2018	Perlindungan Insurans Kenderaan MBKT		5,398
18.	BB4266/18	19.11.2018	Perlindungan Insurans Kenderaan MBKT		21,843
19.	BB4838/18	24.12.2018	Perlindungan Takaful Liabiliti Awam dan Takaful Kebakaran		83,680
JUMLAH					307,917
JUMLAH KESELURUHAN					487,738

Sumber: Baucar Bayaran MBKT

4.2.3. Amalan perolehan insuran tanpa Pesanan Tempatan telah diguna pakai oleh MBKT untuk melancarkan proses perolehan insurans. Kesan amalan ini boleh menjelaskan peruntukan kewangan MBKT untuk tujuan perbelanjaan yang lain.

Maklum Balas MBKT yang Diterima pada 10 Mac 2020 dan 18 Mac 2020

MBKT memaklumkan prosedur perolehan insurans telah dibuat penambahbaikan di mana Pesanan Kerajaan telah dikeluarkan bagi perolehan insurans.

Pernyataan Audit	Perolehan tanpa Pesanan Kerajaan menyebabkan perolehan dibuat tanpa perancangan dan memberi kesan kepada peruntukan yang diluluskan.
-------------------------	---

4.3. Pesanan Kerajaan Dikeluarkan Selepas Bekalan/Perkhidmatan Diterima Berjumlah RM483,920

4.3.1. AP 176.1 menetapkan bahawa Pesanan Kerajaan perlu dikeluarkan terlebih dahulu sebelum sesuatu bekalan atau perkhidmatan diperoleh daripada pembekal.

4.3.2. Semakan Audit mendapati Pesanan Kerajaan bagi perolehan berjumlah RM483,920 telah dikeluarkan selepas tempoh perolehan dilaksanakan adalah seperti dalam **Jadual 4**.

**JADUAL 4
PESANAN KERAJAAN DIKELUARKAN SELEPAS PEROLEHAN DILAKSANAKAN**

BIL.	PERIHAL PEROLEHAN	TARIKH PERKHIDMATAN DITERIMA	TARIKH MOHON BEKALAN/PERKHIDMATAN	NO./ TARIKH PESANAN KERAJAAN	NO./ TARIKH BAUCAR BAYARAN	JUMLAH (RM)
1.	Pembekalan Baucar Barang Kepada Ahli Majlis, Pegawai dan Kakitangan MBKT Sempena Hari Raya Tahun 2018	06.06.2018	21.10.2018	009947/TM	BB1368/19 02.04.2019	114,852
2.	Skim Insurans Takaful Mutiara Plus Berkelompok	01.08.2018	16.05.2019	011013/ 30.05.2019	BB4252/19 17.09.2019	126,730
	Insurans Takaful Flexi PA	05.11.2018				220
	Skim Takaful Mutiara Plus	01.08.2018				2,040
3.	Pembekalan Baucar Barang Kepada Ahli Majlis, Pegawai dan Kakitangan MBKT Sempena Hari Raya Tahun 2019	26.05.2019	25.06.2019	011062/TM	BB5154/19 19.11.2019	107,304
4.	Skim Insurans Takaful Keluarga Berkelompok	01.08.2017	02.04.2018	007946/TM	BB1900/18 15.05.2018	132,774
JUMLAH						483,920

Sumber: Baucar Bayaran MBKT

Nota: TM - Tiada tarikh dicatatkan

4.3.3. Perkara ini berlaku disebabkan oleh kelewatan permohonan oleh jabatan yang terlibat. Ini boleh menjelaskan perancangan perbelanjaan MBKT yang telah dirancang dan diluluskan.

Maklum Balas MBKT yang Diterima pada 10 Mac 2020 dan 18 Mac 2020

MBKT memaklumkan tiada penyelarasan pembelian dan tiada perancangan pembelian di peringkat jabatan/bahagian/unit dan permohonan pembelian segera atas keperluan di luar jangkaan. Bagi tahun 2020, pelantikan kontrak panel akan dilaksanakan dan MBKT dalam kajian untuk pelaksanaan perolehan secara berpusat. Selain itu, kursus perolehan akan dilaksanakan kepada semua pegawai yang terlibat dalam proses perolehan.

Pernyataan Audit | **Perolehan tanpa Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu menyebabkan perolehan dibuat tanpa perancangan dan memberi kesan kepada peruntukan yang diluluskan.**

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan kepada peraturan perolehan, MBKT disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.1. merancang pembelian tahunan dan menyelaras keperluan di peringkat jabatan/bahagian/unit untuk mengelakkan berlakunya perolehan secara pecah kecil;
- 5.2. memastikan Pesanan Kerajaan dikeluarkan bagi semua perolehan yang berkaitan. MBKT juga perlu memastikan Pesanan Kerajaan dikeluarkan terlebih dahulu sebelum bekalan/perkhidmatan diterima/dilaksanakan; dan
- 5.3. mengenakan tindakan yang sewajarnya terhadap pegawainya yang tidak mematuhi peraturan kewangan.



PENGAUDITAN PEMATUHAN

**LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN
NEGERI TERENGGANU**

- PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

LEMBAGA TABUNG AMANAH WARISAN NEGERI TERENGGANU

4. PEROLEHAN SECARA SEBUT HARGA

FAKTA UTAMA

RM88.97 Juta

Peruntukan mengurus tahun 2018

RM51.08 Juta (57.4%)

Perbelanjaan bagi tahun 2018

RM37.74 Juta

Peruntukan mengurus tahun 2019

RM17.88 Juta (47.4%)

Perbelanjaan bagi tahun 2019

1. LATAR BELAKANG

1.1. Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu (LTAWNT) ditubuhkan pada 12 November 1990 di bawah Enakmen Tabung Amanah Warisan Negeri 1990 (Enakmen). Fungsi LTAWNT antara lain ialah menyumbang kepada pendapatan dan pembangunan negeri melalui pengurusan berstrategik harta dan dana tabung, di samping mengurus pemeliharaan dan pertumbuhan harta dan dana secara berkesan bagi pulangan maksimum.

1.2. Bagi tahun 2018, sejumlah RM88.97 juta telah diperuntukkan dan sejumlah RM51.08 juta atau 57.4% telah dibelanjakan. Bagi tahun 2019 pula, sejumlah RM37.74 juta diperuntukkan dan sejumlah RM17.88 juta atau 47.4% telah dibelanjakan.

2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan dijalankan bagi menentukan sama ada perolehan dilaksanakan dengan teratur selaras dengan akta, peraturan dan prosedur yang berkuat kuasa.

3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

3.1. Pengauditan dilaksanakan di Bahagian Pentadbiran Dan Kewangan serta Bahagian Pengurusan Harta terhadap pengurusan perolehan bagi tahun 2019 dan 2018.

3.2. Semakan telah dibuat terhadap perolehan secara rundingan terus, iaitu satu (1) pada tahun 2019 dan satu (1) pada tahun 2018. Selain itu, semakan terhadap

perolehan secara sebut harga juga telah dilaksanakan bagi enam (6) sebut harga pada tahun 2019 dan 17 sebut harga pada tahun 2018.

3.3. Kaedah pengauditan meliputi semakan fail, rekod dan dokumen kewangan. Pemeriksaan fizikal juga dilaksanakan bagi mengesahkan perolehan yang dibuat. Selain itu, perbincangan bersama pegawai terlibat juga telah diadakan bagi mengesahkan maklumat yang diperoleh untuk memperkuuhkan penemuan Audit. Perisian *Audit Command Language* juga telah digunakan bagi menganalisis data.

4. PENEMUAN AUDIT

Penemuan Audit telah dibangkitkan kepada pihak LTAWNT pada 17 Februari 2020. Maklum balas telah diterima pada 5 Mac 2020 dan 18 Mac 2020. Mesyuarat Penutupan telah diadakan pada 12 Mac 2020. Penjelasan lanjut bagi penemuan Audit berbangkit adalah seperti di perenggan berikut:

4.1. Perolehan Tanpa Dokumen Kontrak

4.1.1. Pekeliling Perbendaharaan PK 4 Para 4.8 menetapkan bagi semua perolehan bermasa sama ada bekalan, perkhidmatan atau kerja tidak kira nilainya, hendaklah dikeluarkan Surat Setuju Terima (SST) dan disusuli dengan dokumen kontrak komprehensif dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangan balas oleh syarikat.

4.1.2. Semakan Audit mendapati dokumen kontrak bagi kerja membaik pulih ruang dalaman dua (2) unit kedai pejabat 4 tingkat di atas Lot 3072 dan 3073 di Jalan Tengku Embong Fatimah, Kuala Terengganu berjumlah RM462,074 tidak disediakan. Perkara ini menyebabkan perolehan tidak mematuhi peraturan perolehan dan kepentingan LTAWNT tidak dilindungi.

Maklum Balas LTAWNT yang Diterima pada 18 Mac 2020

Pihak LTAWNT telah mengambil tindakan menyediakan perjanjian perkhidmatan untuk perolehan tahun 2020.

Pernyataan Audit | **Ketiadaan perjanjian mengakibatkan kepentingan LTAWNT tidak boleh dilindungi sekiranya berlaku sebarang pertikaian.**

5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pematuhan kepada peraturan perolehan, LTAWNT disyorkan untuk mengambil tindakan seperti berikut:

- 5.1. memuktamadkan perjanjian bagi semua perolehan perkhidmatan/kerja supaya kepentingan agensi terpelihara; dan
- 5.2. mengenakan tindakan yang sewajarnya terhadap pegawai yang terbukti tidak mematuhi peraturan kewangan.



BAHAGIAN V

**PEMBENTANGAN LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
DAN MESYUARAT
JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM NEGERI**

BAHAGIAN V

PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA DAN MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

1. PEMBENTANGAN LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI DAN AKTIVITI JABATAN/AGENSI SERTA PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Perkara 107(2) Perlembagaan Persekutuan menghendaki Laporan Ketua Audit Negara mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri dibentangkan dalam Dewan Undangan Negeri. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Dan Prestasi Kewangan Agensi Negeri Terengganu Tahun 2018 dan Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2018 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 24 November 2019. Laporan Ketua Audit Negara mengenai Pengurusan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2018 Siri 2 pula dibentangkan di Dewan Undangan Negeri pada 23 Mac 2020.

2. MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM NEGERI

Bagi tempoh 1 Ogos 2019 sehingga 30 April 2020, Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri (Jawatankuasa) telah membincangkan mengenai isu-isu LKAN Tahun 2016 Siri 1 dan Siri 2, Tahun 2017 Siri 1 dan Siri 2 serta Tahun 2018 Siri 1 yang masih belum selesai dalam *Auditor General's Dashboard* (AGD). Sepanjang tempoh 1 Ogos 2019 hingga 30 April 2020, Jawatankuasa telah mengadakan mesuarat sebanyak dua (2) kali, iaitu pada tahun 2019 dan 2020. Butiran ringkas perkara yang dibincangkan oleh Jawatankuasa sepanjang tahun 2019 dan 2020 adalah seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
MESUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG AWAM
NEGERI TERENGGANU SEPANJANG TAHUN 2019 DAN 2020

BIL.	BIL. MESUARAT/ TARIKH	JABATAN/ AGENSI	PERKARA
1.	Mesuarat Kali Kedua Tahun 2019/ 23 Disember 2019	Jabatan Audit Negara, Negeri Terengganu	i. Pembentangan LKAN Mengenai Pengurusan Aktiviti/Kewangan Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Negeri Terengganu bagi Tahun 2016 Siri 1 dan Siri 2, Tahun 2017 Siri 1 dan Siri 2 dan Tahun 2018 Siri 1. ii. Pembentangan isu dalam AGD yang masih berstatus kuning (dalam tindakan) bagi LKAN Tahun 2016 Siri 1, Tahun 2017 Siri 1 dan Tahun 2018 Siri 1.
2.	Mesuarat Kali Pertama Tahun	Top IT Industries Sdn. Bhd.	Sesi pendengaran mengenai LKAN Tahun 2016 Siri 1 yang belum selesai dalam AGD iaitu:

BIL.	BIL. MESYUARAT/ TARIKH	JABATAN/ AGENSI	PERKARA
2020/ 3 Februari 2020	Duyong Marina Resort Sdn. Bhd.	Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu	<p>i. Perenggan 4.5.2.2.b.i – Pembangunan Sistem/Aplikasi Magic W3</p> <p>Sesi pendengaran mengenai LKAN Tahun 2017 Siri 1 yang belum selesai dalam AGD iaitu:</p> <p>i. Perenggan 2.6.3.4.a. – Pengerusi</p> <p>ii. Perenggan 2.6.3.4.b. – Lembaga Pengarah</p>
			<p>Sesi pendengaran mengenai LKAN Tahun 2018 Siri 1 yang belum selesai dalam AGD iaitu:</p> <p>i. Perenggan 6.1.1.a – Sasaran Bilangan Rumah Dibina</p> <p>ii. Perenggan 6.2.2. – Kelewatan Kelulusan Permohonan Bantuan</p> <p>iii. Perenggan 6.2.4. – Bayaran Deposit Tenaga Nasional Berhad dan Syarikat Air Terengganu Dijelaskan Oleh Kontraktor</p>
	Syarikat Percetakan Yayasan Islam Sdn. Bhd.		<p>Sesi pendengaran mengenai LKAN Tahun 2018 Siri 1 yang belum selesai dalam AGD, iaitu:</p> <p>i. Perenggan 6.1.4.d – <i>Standing Operating Procedures</i></p> <p>ii. Perenggan 6.1.4.f – Jawatankuasa Audit dan Audit Dalaman</p> <p>iii. Perenggan 6.3.2. – Perolehan Mesin Cetak <i>Recond Heidelberg</i></p> <p>iv. Perenggan 6.3.5. – Pelarasan Jualan Aktiviti Percetakan</p>

Sumber: Minit Mesyuarat Jawatankuasa Kira-kira Wang Awam Negeri Terengganu



PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, tahap penyediaan dan penyerahan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu bagi tahun 2019 adalah baik. Penyerahan penyata kewangan agensi negeri juga baik kerana telah dapat dikemukakan dalam tempoh yang dibenarkan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Kedudukan kewangan Kerajaan negeri bagi tahun berakhir 31 Disember 2019 berada di tahap kukuh. Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM597.56 juta masih boleh menampung perbelanjaan bagi program/aktiviti/projek Kerajaan negeri. Prestasi kewangan jabatan/agensi negeri masih boleh dimantapkan lagi dan disyorkan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- a. Kerajaan negeri hendaklah mengamalkan perbelanjaan secara berhemat dan mengurangkan tunggakan hasil supaya kedudukan kewangan Kerajaan negeri berada dalam keadaan yang lebih kukuh.
- b. Projek pembangunan hendaklah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi meningkatkan kemakmuran negeri dan kesejahteraan rakyat.
- c. Setiap kementerian/jabatan/agensi negeri perlu memastikan tahap pematuhan yang tinggi terhadap undang-undang dan peraturan kewangan yang berkuat kuasa.
- d. Pegawai pengawal/ketua jabatan/ketua agensi hendaklah mempertingkatkan penglibatan secara *hands on* dalam urusan kewangan, mewujudkan sistem semak dan imbang serta menjalankan pemantauan, pemeriksaan mengejut dan penilaian secara berkala ke atas kemahiran dan keupayaan pegawai. Selain itu, latihan yang bersesuaian perlu diberi secara berterusan kepada pegawai yang terlibat dalam urusan kewangan.
- e. Jabatan/agensi perlu mempertingkatkan fungsi Unit Audit Dalam (UAD). Antaranya memastikan anggota UAD mendapat latihan dan bimbingan yang secukupnya, menyediakan perancangan audit tahunan supaya pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, membuat penilaian secara objektif dan bebas, bukan sekadar berkaitan dengan aspek kawalan dalaman, malahan pengurusan risiko dan tadbir urus organisasi. UAD perlu melaporkan penemuan yang signifikan serta mengesyorkan cadangan yang dapat memberi impak kepada organisasi.

**Ketua Audit Negara
Malaysia**

Putrajaya
8 Oktober 2020



LAMPIRAN

LAMPIRAN I



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Aktaun Memorandum bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 2 hingga 20.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Terengganu pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Akta Tatacara Kewangan 1957, Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia dan *International Public Sector Accounting Standard (Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)*.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Kerajaan Negeri Terengganu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Pegawai Kewangan Negeri Kerajaan Negeri Terengganu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Pegawai Kewangan Negeri Terhadap Penyata Kewangan

Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Kerajaan Malaysia, *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting)* dan Akta Tatacara Kewangan 1957. Pegawai Kewangan Negeri juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, Pegawai Kewangan Negeri bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kerajaan Negeri Terengganu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka

dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesahkan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kerajaan Negeri Terengganu.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Pegawai Kewangan Negeri.
